

BAB 2

LATAR BELAKANG PENGARANG (PENGARUH PERSEKITARAN DAN PEMIKIRAN)

PENGENALAN

Pada bab ini pengkaji akan meninjau latar belakang kedua-dua orang pengarang yang menjadi fokus kajian ini. Dalam memperkatakan tentang peranan seseorang komparatis, Sahlan Mohd. Saman mengingatkan kepentingan agar tidak mengabaikan tiga persoalan penting yakni karya, sumber karya dan penulisnya.¹ Pada karya, menurut beliau, termeteri yang seni, yang kreatif, yang estetik, dan yang sastera serta non-sastera. Pada sumber, terwujud masyarakat, lingkungan alam serta semiotiknya manakala pada penulisnya terletak temperamannya, ideologinya serta pemilihannya yang dicakupi oleh kebebasan seni.²

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan pemikiran dua orang karyawan tertentu berdasarkan novel-novel terpilih. Walaupun tumpuan penyelidikan dalam kajian ini adalah terhadap karya dan bukannya karyawan tetapi amat sukar untuk seseorang memahami suara hati yang terkandung di dalam karya-karya pengarang ini sekiranya tidak memahami pengalaman hidup dan

persekitaran yang membentuk mereka. Ini kerana faktor-faktor tersebutlah yang membentuk keperibadian dan seterusnya mempengaruhi ideologi yang menjadi pegangan mereka. Hasilan sastera tidak pernah wujud dalam vakum. Sebaliknya kesusastraan boleh ditafsirkan sebagai ekspresi seseorang individu dalam sesebuah masyarakat.³ Pengarang dilahirkan oleh masyarakat, dia berkarya untuk masyarakat dan mengenai masyarakat yang dikenalinya. Hanya dengan mengenali pengalaman bermasyarakat, masyarakat itu sendiri dan pergolakan yang dilalui oleh mereka sahajalah kita boleh memahami pemikiran seseorang pengarang yang lahir dalam lingkungannya.

Bab ini bukan hanya bertujuan untuk memperkenalkan kedua-dua orang tokoh tersebut semata-mata tetapi sebaliknya berfungsi untuk mendedahkan tahap dan jenis pendidikan, keperibadian, pendirian, ideologi dan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pemikiran mereka. Ini akan disimpulkan melalui sama ada dokumentasi berbentuk bibliografi, kata-kata mereka sendiri (melalui temubual atau tulisan mereka) ataupun dengan meneliti suara-suara tersirat yang terkandung di dalam karya-karya mereka. Memandangkan tumpuan bab ini ialah pengarang dan bukannya karya, pengkaji tidak akan memberikan senarai lengkap segala hasilan mereka. Walau bagaimanapun, beberapa hasilan sastera (seperti novel dan cerpen) para pengarang ini tetap akan dibincarkan kerana hasilan tersebut membantu pengkaji untuk

memahami pemikiran atau falsafah pegangan mereka. Selain itu pengkaji juga akan meninjau era kedua-dua orang penulis ini berkarya dengan terperinci untuk mengenal pasti isu-isu yang mengambil tempat pada ketika tersebut. Ini amat berguna kepada pengkaji untuk merumuskan persepsi mereka terhadap isu tersebut dan seterusnya menyimpulkan ideologi atau tanggapan mereka tentang sesuatu perkara. Rumusan tersebut seterusnya akan dimanfaatkan untuk melihat sensitiviti dan kekuatan pengarang-pengarang ini dalam mengupas isu yang berkaitan dengan golongan tertindas, konflik diri manusia, pegangan manusia terhadap maruah diri dan pegangan manusia terhadap agama.

SHAHNON AHMAD
(Era Awal)

Shahnon Ahmad lahir pada 13 Januari tahun 1933 di Kampung Banggul Derdap, sebuah kawasan pedalaman di daerah Sik, Kedah. Zaman kanak-kanak dan era awal pengarang ini (ditinjau dari segi perkembangan sosial, ekonomi dan politik negaranya) merupakan satu zaman yang genting dan dipenuhi pelbagai pergolakan. Beliau lahir pada zaman Tanah Melayu berada di penghujung pemerintahan penjajah British. Ketika beliau berumur dalam lingkungan lapan tahun (1942), Tanah Melayu terheret secara langsung ke dalam kancang PDII dan menyaksikan penguasaan British digantikan dengan penguasaan bangsa Jepun. Apabila tamat perang, Tanah Melayu berhadapan

pula dengan keganasan PKM yang seterusnya meruncingkan hubungan antara kaum di negara ini khususnya di antara orang-orang Melayu dengan Cina. Usia remaja beliau pula bertindih dengan kemuncak perpaduan orang Melayu bagi menuntut kemerdekaan, menentang gagasan Malayan Union, penubuhan (UMNO) pada tahun 1946 dan pengistiharan darurat pada tahun 1948. Sebagai seorang pemuda dan pada usia seterusnya pula beliau hidup di zaman yang diwarnai pengisytiharan kemerdekaan, pembentuhan Malaysia, isu bahasa kebangsaan, rusuhan kaum pada tahun 1969, dan demonstrasi petani pada tahun 1974-1975. Pendek kata zaman tersebut merupakan era pembentukan kesedaran politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat Melayu.⁴

Ayahnya Haji Ahmad bin Haji Abu Bakar berasal dari Medan, Sumatera manakala ibunya Hajah Kalsum binti Mohd. Saman berasal dari Pattani, sebuah wilayah di selatan Siam. Ayah Shahnon merupakan seorang kakitangan awam yang bekerja di Jabatan Kajiusur dan kemudian menjadi posmen. Sebagai posmen, beliau juga merupakan agen inteligensia British (semasa PDII).

Zaman kanak-kanak Shahnon tertumpu di Banggul Derdap. Kampung Banggul Derdap bukan sekadar merupakan tanah tumpah darah beliau tetapi meninggalkan kesan yang begitu besar dalam hidup beliau. Beliau merupakan "anak desa"⁵ dalam erti kata yang sebenarnya.

"Aku dilahirkan serta dibesarkan di sebuah kampung kecil bernama Banggul Derdap. Selama tiga puluh enam tahun kebelakangan ini aku tidur dan makan minum bersama-sama dengan orang-orang Melayuku yang buta huruf dan mundur itu.⁶

Kata-kata beliau itu diturunkan di sini bukannya untuk membuktikan fakta lokasi kelahiran beliau secara fizikal. Hakikat tempat lahir beliau sememangnya telah dimaklumi umum. Tetapi perhatikan suara tersirat yang menyelubungi seluruh pernyataan tersebut. Banggul Derdap dan orang-orang Melayu bukan sahaja wujud di luar diri beliau tetapi telah bersebatи dan menjadi sebahagian daripada diri beliau sendiri. Kampung dan daerah malah negeri di mana beliau dilahirkan dan dibesarkan sendiripun merupakan salah sebuah dunia Melayu terpencil yang jauh terlepas daripada jari-jemari pembangunan. Banggul Derdap bukan sekadar tempat kelahiran Shahnon tetapi merupakan pentas yang menyerlahkan kepada beliau fenomena hidup masyarakat dan bangsanya dan seterusnya membentuk pemikiran serta sikapnya yang bakal memancar dalam begitu banyak karya yang akan beliau hasilkan kemudianya. Novel pertama Shahnon Rentong (1965) jelas menunjukkan keterikatan beliau dengan kampung kelahirannya Banggul Derdap. Malah Banggul Derdap menjadi latar untuk cerita ini. Ini tidak boleh dianggap sebagai satu kebetulan kerana novel pada tahun berikutnya Ranjau Sepanjang Jalan (1966) juga mengisahkan kehidupan masyarakat tani di kampung yang sama.

Pendidikan Dan Pengaruh Intelek

Shahnon menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Sik, Kedah (1940-1946). Pada sebelah petangnya pula beliau dihantar mengikuti kelas agama. Ayah Shahnon jelas mempunyai pendirian yang berbeza daripada masyarakat setempat pada zamannya. Ini mungkin disebabkan beliau bukanlah orang asal kampung tersebut dan oleh yang demikian tidak terikat dengan pemikiran masyarakat setempat. Beliau merupakan penduduk pertama di kampungnya yang menghantar anak-anaknya (Mohd. Noh dan Shahnon) menuntut di maktab Inggeris di Alor Setar. Ini jelas menunjukkan wawasan beliau.⁷ Masyarakat Melayu ketika itu, terutamanya masyarakat desa biasanya membataskan pendidikan anak-anak mereka setakat sekolah pondok. Pendidikan agama dan mengenal huruf yang diperoleh melalui institusi pendidikan pondok bukan sahaja dianggap memadai bagi seseorang menjalani kehidupan desa malah disanjung tinggi.⁸ Dalam soal ini, Shahnon jelas seorang anak yang bertuah. Pandangan jauh ayahnya telah membolehkan anak desa ini memperoleh pelajaran yang sempurna dan membuka ruang hati dan matanya untuk meninjau fenomena masyarakatnya dengan lebih kritis.

Selepas pendidikan awal di sekolah Melayu, Shahnon melanjutkan pelajarannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid yakni sebuah maktab berasrama Inggeris di Alor Setar. Selepas menamatkan Peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1954, buat

pertama kalinya Shahnon meninggalkan negeri kelahirannya, Kedah, untuk mengajar Bahasa Inggeris di English Grammar School di Kuala Terengganu. Pada tahun 1955 beliau menyertai Regimen Melayu dan menjalani latihan di Port Dickson, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun beliau kembali ke bidang perguruan setahun kemudian disebabkan kecederaan. Pada tahun 1956 beliau pulang ke negeri asalnya dan mengajar Bahasa Inggeris di Sekolah Melayu Gunung dan Sekolah Melayu Bukit Besar, kedua-duanya sekolah rendah. Pada tahun 1960 beliau telah ditugaskan ke Kolej Sultan Abdul Hamid (sekolah beliau menuntut dan menduduki Senior Cambridge) sebagai guru bahasa dan kesusasteraan Melayu dan kemudiannya ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (sekolah berasrama penuh Melayu) di Jitra juga sebagai sebagai guru bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Dunia kerjaya Shahnon Ahmad mengalami perubahan yang mendadak ketika beliau berusia tiga puluh lapan tahun. Pada tahun 1968 beliau menerima perlantikan sebagai pembantu penyelidik bagi Projek Perkamusan Inggeris-Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia, Australian National University, Canberra. Pada masa yang sama beliau juga mengambil kesempatan untuk melanjutkan pelajarannya secara separuh masa dan empat tahun kemudian memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Asia dengan pengkhususan dalam bahasa Melayu. Beliau kembali ke tanah air pada tahun 1972 dan menjadi pensyarah bahasa dan kesusasteraan Melayu di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Walau bagaimanapun pada tahun yang sama beliau meneruskan pengajian dalam bidang sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau juga menjadi tutor bagi kursus kesusasteraan Melayu di universiti yang sama. Pada tahun 1975 Shahnon memperoleh ijazah sarjananya dengan tesis yang bertajuk "Sajak-sajak A.S. Amin". Ini membolehkan beliau dilantik sebagai pensyarah kesusasteraan Melayu di Jabatan Kemanusian USM. Pada tahun 1980 beliau dilantik sebagai dekan dan Professor Madya. Pada bulan Julai 1982 beliau dianugerahkan gelaran profesor penuh dalam bidang kesusasteraan Melayu moden oleh universiti yang sama.

Shahnon Ahmad muncul di pentas penulisan Tanah Melayu dalam satu suasana di mana perkembangan kesusasteraannya (yakni penulisan cereka) telah mantap.⁹ Perlu diingati bahawa novel pertama di Tanah Melayu terbit hampir tiga puluh tahun sebelum beliau menulis novel pertamanya Rentong (1965). Sejak penerbitan Hikayat Faridah Hanum pada tahun 1925-1926, puluhan pengarang telah muncul dengan ratusan karya mereka sama ada cerpen, novel atau sajak. Melalui perjuangan yang berterusan, golongan ini telah mengangkat darjah kesusasteraan Melayu moden ke tahap yang kukuh. Di tangan mereka kesusasteraan telah menjadi wahana hiburan, mengingati kemegahan silam dan memacu masyarakat. Malah sebelum kemunculan Rentong sendiri pun novel Melayu sudah dikatakan mencapai tahap yang setanding dengan karya agung antarabangsa. Pandangan ini dikemukakan berdasarkan novel

Salina (1961) hasil karya A. Samad Said. Shahnon sendiri jelas mengagumi Salina. Salina, A. Samad Said serta teknik-teknik yang digunakan di dalamnya jelas mempesonakan beliau.¹⁰

Penglibatan Shahnon dalam dunia penulisan bermula pada tahun 1956 dengan penulisan cerpen. Cerpen terawal beliau berjudul "Bingung" dan terbit dalam Majalah Guru pada 24 Mei 1956. Dari tahun 1956 hingga tahun 1960 beliau menghasilkan 16 buah cerpen.¹¹ Cerpen-cerpen ini memainkan dua peranan penting dalam membentuk Shahnon sebagai seorang penulis. Pertama ia menyediakan ruang bagi beliau berlatih dalam teknik bercerita dan kedua sesetengah cerpen ini kemudiannya dikembangkan menjadi novel.¹² Namun begitu titik permulaan yang menjadi pencetus kelahiran seorang novelis agung tanah air ialah apabila beliau ditugaskan mengajar bahasa dan kesusasteraan Melayu di Maktab Sultan Abdul Hamid pada tahun 1960. Beliau yang sebelum ini merupakan seorang guru bahasa Inggeris sekolah rendah kini berhadapan dengan "satu keanehan dan kehendak Allah"¹³ yang menghendaki beliau menjadi guru bahasa dan kesusasteraan ibundanya. Perubahan tanggungjawab ini menandakan titik perubahan dalam perkembangan Shahnon sebagai seorang penulis kerana ia mewujudkan cinta terhadap bahasanya sendiri dan menyerlahkan kepada beliau keupayaan bahasa Melayu untuk "menggambarkan sesuatu yang tidak mampu digambarkan oleh bahasa sehari-hari".¹⁴

Minat Shahnon terhadap kesusasteraan bermula semasa beliau menuntut di Maktab Sultan Abdul Hamid. Shahnon merupakan seorang pembaca yang serius. Satu perkara yang agak aneh ialah walaupun beliau memperoleh pendidikan menengah dengan bahasa pengantar Inggeris, pembacaan beliau pada era awal lebih tertumpu kepada bahan-bahan bahasa Melayu. Menurut Shahnon, minat ini akhirnya bertukar menjadi satu bentuk kegilaan.

"Saya juga membaca karya-karya dalam bahasa Inggeris tapi tidak sebanyak dalam Bahasa Melayu. Sama sekali bukan bermaksud hendak membanggakan diri, tapi pada waktu itu boleh dikatakan seluruh novel Indonesia yang dikarang oleh pengarang-pengarang Angkatan Balai Pustaka, Pujangga Baru dan Empat Puluh Lima, saya baca. Betul-betul satu macam kegilaan waktu itu".¹⁵

Malah setelah mencipta nama sebagai seorang penulis sekalipun Shahnon terus berpegang kepada falsafah bahawa pembacaan yang luas adalah kaedah terbaik dan terpenting untuk melahirkan seorang penulis.¹⁶ Sebagai seorang penuntut bahasa (pada peringkat ijazahnya), guru kesusasteraan dan peminat sastera, Shahnon berkesempatan untuk meninjau secara dekat pelbagai hasilan sastera Melayu sama ada di Tanah Melayu mahupun Indonesia. Pada masa yang sama ini bukanlah bermaksud beliau tidak mempunyai pengetahuan atau pendedahan yang menyeluruh terhadap kesusasteraan dunia atau hanya terikat kepada kesusasteraan Tanah Melayu dan Indonesia. Perkara ini boleh dibuktikan apabila diselidik

hasilan awal beliau. Sebelum menempa nama sebagai penulis dengan identiti sendiri, yakni di antara tahun 1957 dan 1963 Shahnon telah menghasilkan 18 buah cerpen terjemahan.¹⁷ Cerpen-cerpen ini bukan sahaja membuktikan keluasan pembacaan dan pendedahan beliau kepada pengarang dan kesusasteraan asing tetapi juga menjadi petanda tentang pengaruh intelektual dan kesusasteraan yang membentuk penulis ini. Hasilan terjemahan ini, kesemuanya daripada versi Inggeris, mendekatkan beliau kepada teknik yang digunakan oleh penulis asing dan berfungsi sebagai model untuk perkembangan penulisan peribadinya.¹⁸ Antara karya penulis agung yang mendapat perhatian beliau (untuk diterjemahkan) ialah Alphonse Daudet,¹⁹ Guy de Maupassant,²⁰ Leo Tolstoy,²¹ Rabindranath Tagore,²² dan Lin Yutang.²³ Pengaruh jalan cerita karya-karya penulis ternama ini dapat dikesan dalam sesetengah karya Shahnon pada tahun-tahun berikutnya. Selain itu beliau juga menterjemahkan hasilan penulis-penulis lain seperti Edgar Allan Poe, Stephen Leacock, Honare de Balzac, Dok Mai Sod, Partick Ng Kah Onn dan K.T Mohammed.²⁴

Pada era ini jugalah Shahnon menunjukkan penglibatan yang aktif dalam bidang politik dan badan-badan kesusasteraan. Beliau menjadi pegawai publisiti dan ketua biro penerangan UMNO bahagian Jitra. Pada tahun 1966, bertempat di rumahnya sendiri, Shahnon beserta beberapa orang penulis tempatan lain menujuhkan sebuah pertubuhan

yang dikenali sebagai Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA). Antara lain GATRA bertujuan untuk memupuk minat terhadap kesusasteraan Melayu moden, mewujudkan kerjasama sesama ahli pertubuhan, memajukan kesusasteraan demi manfaat rakyat, menerima unsur-unsur asing yang dapat meningkat taraf kesusasteraan Melayu moden serta menghalang unsur atau aliran negatif yang akan menghindar kemajuan kesusasteraan Melayu moden.²⁵

Prinsip Hidup, Pendirian, Pegangan Politik

Tidak ada cara terbaik untuk memahami prinsip hidup seseorang individu seperti Shahnون Ahmad melainkan dengan beralih kepada hasilan karyanya sendiri. Karya-karya beliau merupakan pemancar nilai budi diri beliau yang paling sempurna. Beliau sendiri mengaku bahawa tujuan beliau mengarang adalah "untuk melahirkan fikiran dan perasaannya."²⁶ Satu aliran yang jelas tentang pergerakan dunia sastera tanah air sejak PDII ialah walaupun rata-rata sasterawan Melayu berasal dari desa, tetapi hampir seluruh sastera Melayu baru itu ialah sastera kota.²⁷ Malah Asas 50 yang begitu lantang dengan semboyan "seni untuk masyarakat" sendiripun lebih merupakan pemerincian kehidupan masyarakat kota Singapura. Ditinjau dari sudut ini, Shahnون Ahmad merupakan penulis pertama di Malaysia yang menyorot pandangan secara serius dan menyeluruh terhadap kehidupan di kampung. Sebagaimana dengan Alphonse Daudet dan de

Maupassant, beliau merupakan seorang simpatis terhadap golongan yang tersisih. Kemiskinan dan penderitaan mereka dihayati dan dijawi beliau dengan penuh keikhlasan dan dipaparkan dengan penuh kesungguhan. Ini merupakan ciri utama yang memberikan identiti kepada penulis ini dan membezakannya daripada penulis seangkatan dengannya yang sama-sama mengarang pada tahun-tahun 60-an.

Bagi Shahnon, motif penulisannya sejak awal lagi adalah untuk membela masyarakat yang tertindas - bukan sahaja oleh manusia tetapi juga oleh pelbagai aturan yang ditetapkan oleh manusia, persekitaran malah alam itu sendiri. Inilah perjuangan Ranjau Sepanjang Jalan, (1966)²⁸ salah sebuah novel awal beliau. Cerita ini mengisahkan kehidupan pasangan petani Lahuma dan Jeha serta tujuh orang anak mereka di Banggul Derdap yang bergantung hidup kepada sawah pusaka seluas 14 relung. Kematian Lahuma menyebabkan beban mengemudikan keluarga tersebut jatuh kepada Jeha. Malangnya Jeha tidak mampu menghadapi segala cabaran yang mendatang dan akhirnya menjadi gila. Kesudahannya dia terpaksa dikurung dalam kandang dan cerita berakhir dengan "Jeha berjerit sepanjang malam".²⁹

Sebenarnya "jeritan" Jeha tidak syak lagi ialah jeritan Shahnon sendiri - jeritan batin seorang anak Melayu yang tidak sabar melihat bangsanya terus menerus dicengkam kepayahan. Sama seperti Jeha yang tidak nampak penyelesaian

untuk masalah hidup keluarganya, Shahnon juga mungkin bingung memikirkan jalan keluar untuk bangsanya yang seolah-olah mengabdi di bumi sendiri. Inilah yang menggerakkan Ranjau Sepanjang jalan. Kata beliau...

Dalam proses menyudahkan Ranjau Sepanjang Jalan itu ada satu isu yang aku tidak bisa singkirkan dari fikiranku. Isu itu ialah kemiskinan... Kemiskinan bangsaku. Bangsa Melayu.³⁰

Nilai budi Shahnon sebagai seorang simpatis terhadap penderitaan golongan tertindas dan tersisih tidak pernah reda. Jeritan batin beliau yang berpihak kepada golongan ini terus berkumandang dalam beberapa buah karya besar beliau seperti Kemelut (1977)³¹ dan Seluang Menodak Baung (1978).³²

Berselang di antara dua buah karya yang padat dengan penderitaan, kemiskinan dan seruan agar nasib golongan tersisih dibela ialah novel Terdedah (1965)³³ yang juga merupakan bahan yang amat berguna untuk memahami tanggapan pengarang ini terhadap kehidupan. Terdedah terlepas daripada jerutan kepayahaan yang membelenggu kehidupan masyarakat tani di kampung dan beralih kepada pergolakan hidup sosial manusia dan kemanusiaan. Di sini beliau menjuruskan pandangan terhadap ketiadaan nilai tanggungjawab dan menye-longkar pelbagai nilai negatif manusia. Melalui watak-watak Sharifah Shuhada (janda yang menjalin hubungan dengan lelaki-lelaki ternama dengan harapan memperoleh status),

Syed Mohsin (seorang manusia yang berasal daripada keturunan tinggi tetapi menjalani kehidupan tidak bermoral) dan Encik Adnan (seorang ahli politik) yang membelakangkan tanggungjawabnya terhadap masyarakat demi mengejar hawa nafsunya, Shahnon menunjukkan keprihatinannya tentang nilai dan gaya hidup yang wujud serta diamalkan oleh masyarakatnya. Beliau tidak dapat berpeluk tubuh melihat masyarakatnya lupa diri dan hanyut dalam pelbagai penyakit sosial yang menyesatkan. Maka lewat Teredeh beliau "mendedahkan" kegelapan yang merantai pemikiran bangsanya. Menurut Shahnon, tujuan karya ini sendiri adalah untuk...

...menunjukkan satu aspek lain yang membahukan pengertian "manusia" seluruhnya. Iaitu aspek kebinatangan manusia yang juga terdapat dalam semua watak Teredeh.³⁴

Satu lagi pendirian tegas Shahnon yang dapat disimpulkan dengan mudah melalui karya-karya beliau ialah kepentingan manusia yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat memainkan peranan mereka dengan sempurna. Beliau berpendirian bahawa adalah salah bagi orang yang berkedudukan untuk mengabaikan kebajikan golongan yang mengharapkan diri mereka. Lantas kepimpinan menjadi satu tema penting dalam karya-karya beliau. Ini sudah dapat dilihat dalam cerpen-cerpen awal beliau lagi. Seawal tahun 1958 lagi yakni dengan cerpen "Bercuti di kampung" (1959) misalnya beliau telah mendedahkan kepincangan pihak berkuasa dalam pengurusan pembangunan di kawasan pedalaman dan sikap

ahli politik yang menabur janji-janji kosong semasa musim pilihanraya. Dengan menggunakan watak 'si gendut pendek' beliau menunjukkan rasa meluat terhadap golongan pemimpin yang hanya mementingkan diri ini. Beliau juga menarik perhatian pembaca kepada pelbagai aral yang terpaksa dihadapi oleh golongan petani dan kemiskinan yang membelenggu mereka (ini dikaitkan pula dengan sikap para pemimpin yang membelakangkan tanggungjawab tadi). "Miting Di K.L" (1961) pula mengupas ketidakjujuran seorang aktivis politik wanita. Dalam "Nak Serang Tuan D.O" (1962) Shahnon menyelongkar pengaruh kuasa politik terhadap pembangunan manakala dalam "Catatanku" (1963) dan "Jangan Beritahu Orang Lain" (1964) beliau memperkatakan kehidupan penuh skandal ahli-ahli politik.

Memandangkan pendirian yang sedemikian rupa, maka tidaklah menghairankan sekiranya isu kepimpinan mendapat tempat serta merta dalam novel sulung beliau Rentong.³⁵ Melalui karya ini, Shahnon mengambil kesempatan untuk memperkenalkan pemimpin dan kepimpinan ideal yang menjadi harapannya. Ini dilakukan melalui watak Pak Senik; seorang ketua kampung yang mampu berpegang kepada prinsip hidup, memecahkan tembelang pemimpin yang tidak berhati perut dan menjamin keadilan kepada setiap insan yang bernaung di bawah kepimpinannya. Dengan merenung aksi-aksi watak ini, sedikit sebanyak kita berpeluang untuk memahami tanggapan beliau tentang konsep kepimpinan.

Tumpuan dan keprihatinan utama Shahnon adalah terhadap orang Melayu.³⁶ Orang-orang bukan Melayu jarang memasuki ceritanya kecuali untuk melengkapkan pewarnaan kehidupan dan kemelut orang Melayu. Beliau bukannya seorang manusia yang mempunyai pemikiran yang sempit dalam soal kaum dan tidak pernah menafikan hak orang-orang bukan Melayu yang telah menjadi sebahagian daripada negara ini, tetapi pada masa yang sama jiwa beliau tidak dapat menerima hakikat anak-anak peribumi berkulit sawo matang di negaranya terpaksa hidup bagaikan ayam di kepuk yang mati kelaparan. Beliau hanya menulis tentang kaumnya dan masalah negeri Malaysia yang lebih besar dilihatnya dari sudut kaumnya, iaitu dari sudut kemelayuan.³⁷ Pada masa yang sama beliau nampak dengan jelas punca keadaan ini. Beliau berkarya selepas Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan dan tampuk pemerintahan berada di tangan anak bumi sendiri. Tetapi mengapakah kemiskinan bangsanya yang diwarisi sejak zaman penjajah tidak berubah? Itulah persoalan utama yang merantai jiwanya dan meronta-ronta di dalam karyanya. Beliau seolah-olah yakin bahawa segala-galanya berpunca daripada ketidakikhlasan pemimpin Melayu itu sendiri. Kita hanya perlu mendalami suara yang terkandung di dalam novel-novel seperti Menteri (1967)³⁸ dan Perdana (1969)³⁹ bagi memahami hakikat ini. Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Prof. Ismail Hussein, Menteri ialah sebuah novel yang menimbulkan tandatanya yang amat besar terhadap 'pemimpin Melayu'.⁴⁰ Lewat novel tersebut Shahnon seolah-olah mahu mengingatkan pemimpin

Melayu akan peranan dan tanggungjawab mereka. Beliau seolah-olah ingin memainkan peranan sebagai pembuka mata dan penyedar kepada para pemimpin Melayu yang memegang tampuk pemerintahan tetapi pada masa yang sama membutakan diri terhadap kewujudan ribuan, malah jutaan 'Lahuma' dan 'Jeha'. Kemerdekaan tidak bermakna sekiranya tidak dipenuhi dengan aspirasi tulen. Bagi Shahnon para pemimpin yang lupa diri dan hanyut dengan kesenangan yang dibawa oleh kemerdekaan bagi diri mereka tak ubah seperti penjajah itu sendiri. Seawal 1959 lagi Shahnon telah menampakkan ketidaksenangan terhadap sikap orang-orang Melayu terutamanya golongan atasan, bangsawan dan berkedudukan yang masih mabuk dengan kemegahan yang ditinggalkan oleh penjajah. Dalam cerpen "Kisah Malam Lustrum" (1959) beliau mengisahkan sebuah jamuan yang dianjurkan oleh sebuah persatuan alumni. Cerita ini memperlihatkan bagaimana golongan atasan, terutamanya pegawai-pegawai kerajaan, menggunakan bahasa asing dan mengamalkan pelbagai unsur budaya bekas kolonial dan melupakan identiti warisan budaya mereka. Tidaklah sukar untuk kita memahami persoalan yang bermain di benak beliau ketika menulis cerpen ini. Shahnon jelas mempersoalkan sama ada inikah yang dimaksudkan dengan kemerdekaan!

Dari segi jasadnya Shahnon merupakan seorang penulis, seorang sasterawan dan seorang ahli akademik. Namun, sebelum semua itu, beliau merupakan seorang nasionalis. Inilah kesimpulan yang boleh dilakukan dengan meneliti Perdana

yang terbit pada tahun 1969. Melalui karya ini Shahnon mengimbas kembali rentetan sejarah tanah air sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga pemerolehan kemerdekaan. Watak-watak di dalam karya ini sebenarnya mewakili tokoh-tokoh tertentu yang wujud dalam lipatan sejarah tanah air.⁴¹ Shahnon bukan seorang sejarahwan dan Perdana bukan merupakan sebuah dokumen sejarah. Perdana lebih merupakan rintihan sayu seorang manusia yang sensitif apabila mengimbas kembali keperitan perjuangan bangsanya dan rapuan seorang insan terluka apabila melihat segala perjuangan bangsanya bagi memperoleh kemerdekaan dipersia-siakan. Baris-baris terakhir novel ini berbunyi.....

Besoknya hari hujan. Dan rakyat menyambut kemerdekaan itu dengan cuaca yang lembab. Dan seluruh rakyat adalah dalam perjuangan itu.⁴²

Perenggan ini memadai untuk menyimpulkan tanggapan keseluruhan Shahnon terhadap kemerdekaan. Perlu diingat bahawa karya ini dikarang lebih sedekad selepas Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan. Oleh itu beliau berada dalam kedudukan yang baik untuk membuat kesimpulan tentang pengisian kemerdekaan itu. "Kelembapan" cuaca boleh diertikan dengan perlambangan kesuraman dan kekelaman suasana yang melingkari kemerdekaan itu sendiri. Latar ini jelas disengajakan pengarang untuk mencerminkan perasaannya terhadap kemerdekaan. "Kelembaban" yang dimaksudkan oleh Shahnon bukannya kelembapan pada detik negara menyambut

kemerdekaan tetapi kelembaban yang dilihatnya sedekad selepas itu.

Selain daripada prinsip hidup yang sedemikian, Shahnon juga merupakan seorang manusia yang mempunyai pegangan agama yang utuh. Sebagai seorang anak kampung yang dilahir dan dibesarkan di sebuah negeri yang didominasi kebudayaan Melayu dan Islam (Kedah), Shahnon menjunjung tinggi nilai-nilai keislaman dalam hidupnya malah cuba mewarnakan perjuangannya melalui mata penanya berdasarkan lunas-lunas Islam. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam beberapa artikel beliau pada pertengahan tahun 70-an.⁴³ Bagi Shahnon "berbudaya, berseni atau bersastera bertunggakkan Islam sama seperti beribadah atau berbakti kerana Allah."⁴⁴ Namun begitu ini bukanlah bermakna sifat menerapkan nilai Islam dalam karya merupakan satu fenomena berkala yang muncul secara mengejut pada tahun-tahun 70-an atau melalui penulisan cerpen "Riak"⁴⁵ pada tahun 1976. Shahnon dan Islam tidak mungkin dipisahkan. Lama sebelum beliau bersuara lantang bahawa "bersastera mengikut Islam wajib dijalankan kerana Allah dan tak ada yang lain melainkan Allah"⁴⁶, atau beliau menunaikan rukun Islam yang kelima pada tahun 1978 sekalipun sudah ada karya-karya yang mendedahkan desakan tersembunyi di jiwa beliau untuk menggunakan karyanya bagi tujuan berdakwah. Novel Protes⁴⁷ yang dikarang pada tahun 1976 membuktikan hal ini. Cerita ini berpusat pada sekumpulan anak muda dengan fokus utama terhadap watak Ferdaos. Anak muda ini merupakan seorang pemikir yang tajam dan

perenung yang sensitif. Pengarang mendalangkan Ferdaos memikirkan isu-isu filsuf berkaitan Islam seperti keimannya terhadap Allah, kewujudan syurga dan neraka dan kesempurnaan agama Islam. Pemuda ini cuba berusaha untuk mencari jawapan bagi segala kekusutan fikirannya dengan menggunakan akal dan rasionalnya. Namun begitu segala soalan dan kegelisahannya terlerai apabila dia mendengar suara yang menyerunya agar kembali ke jalan yang benar dengan menerima Islam - agama yang 'immanent' dan 'transcendent'.⁴⁸ Melalui novel ini Shahnon memaparkan sikap anak-anak muda terhadap Islam dan kekalutan yang menimpa masyarakat apabila menjalani kehidupan yang terlepas daripada landasan Islam. Shahnon sendiri menerangkan bahawa tujuan utama beliau mengarang Protes adalah kerana keyakinannya bahawa keruntuhan hidup umat manusia adalah berpunca daripada kelunturan akhlak mereka. Satu-satunya jalan untuk melepaskan diri daripada masalah keruntuhan akhlak adalah dengan kembali ke jalan Allah. Menurut beliau lagi Protes merupakan satu usaha untuk mencari jalan kudus yang akan membawa manusia ke jalan Allah.⁴⁹

Shahnon mengakui bahawa beliau melihat novel sebagai bentuk sastera yang paling efektif bagi membolehkannya menyerahkan idea dan prinsip hidupnya.⁵⁰ Beliau mengarang bukannya berdasarkan ilham tetapi berdasarkan desakan naluri untuk memperkatakan sesuatu yang wujud di hadapannya dengan tujuan yang pasti.⁵¹ Perasaan cintanya terhadap masyarakat

dan negaranya menyebabkan beliau tidak dapat mendiamkan diri apabila melihat sesuatu ketidakadilan terpampang di matanya. Di kala itu beliau akan menggunakan senjata yang paling dikenalinya yakni mata pena untuk mencoretkan perkara itu dengan harapan untuk membaiki kepincangan tersebut. Oleh itu karya-karya beliau tidak pernah terhad kepada pemaparan kejadian tetapi pasti diselitkan dengan pelbagai unsur didaktik atau kritikan sosial. Sebagai contoh, beliau sendiri mengaku bahawa ketika menulis Terededah, tujuan asal beliau adalah hanya untuk memaparkan kekosongan jiwa manusia atau sifat kebinatangan mereka tetapi tanpa disedari karya itu terbawa-bawa dengan kritikan sosial.⁵²

Bagi Shahnon tulisan dan karya merupakan sesuatu yang keramat dan tidak boleh dipermain-mainkan. Setiap hasilan sastera perlu membawa kebaikan kepada masyarakat. Seseorang seniman tidak harus bertopengkan kebolehan menyusun kata-kata yang indah semata-mata. Sastera harus bersendikan nilai, memenuhi keperluan, mengajar, membimbing dan memukah kepincangan yang wujud di persekitaran ...

Seni sastera yang remeh-temeh yang tidak bertonggakkan etika yang baik, yang hanya hanyut dibawa arus kemabukan rasa, yang hanya mudah diluah untuk sekadar sementara memenuhi panggilan nafsu atau sekadar mengisi keperluan indera di luar kawalan, walau seindah mana sekalipun, tidak akan membawa rahmat dan manfaat apa-apa selain menebalkan lagi egoisme si pencipta.⁵³

Beliau hanya menulis apa yang diyakininya benar. Bagi Shahnon, sesebuah karya, walaupun hanya berbentuk fiksyen tetapi harus menunjukkan kebenaran hakiki walaupun kebenaran tersebut ada masanya bercanggah dengan realisme kehidupan.⁵⁴ Pihak yang benar harus dimenangkan dalam karya dan kejahatan harus dihancurkan dalam sesebuah cereka. Dengan kata lain, walaupun karya-karya beliau tunduk kepada realisme, tetapi beliau sanggup berkompromi dengan realisme apabila mengemudikan kesudahan ceritanya. Pendek kata beliau berpegang kepada konsep "poetic justice" dalam karyanya. Jika itulah pandangan beliau dalam berkarya sekalipun, kita boleh bayangkan pendirian beliau terhadap kebaikan dan kejahatan dalam kehidupan sebenar.

Dengan lima belas buah novel, lebih tujuh puluh buah cerpen dan puluhan artikel yang berkaitan dengan kesusasteraan yang terbit dalam pelbagai akhbar dan majalah sejak empat abad kebelangkam ini, kedudukan Shahnon Ahmad sebagai pemikir sastera dan penulis fiksyen terulung tanah air sukar dipersoalkan. Penglibatan dan pencapaian beliau dalam bidang ini bukan hanya dibuktikan oleh kuantiti hasilannya tetapi juga mutu dan nilai karya-karya yang dihasilkannya. Untuk tiga tahun secara berturut-turut cerpen beliau "Kalau Ibu Sampai Takah Tiga" (1972), "Lagu Kit-kitkit" (1973) dan "Tak Keruan" (1974) memenangi anugerah kebangsaan kategori cerpen yang dianjurkan oleh DBP. Pada tahun 1974 karya beliau Srengenge merupakan satu-satunya

karya yang diputuskan layak menerima anugerah kebangsaan untuk penulisan novel.

Kecemerlangan dan sumbangan beliau mendapat perhatian dan pengiktirafan sewajarnya di kalangan sasterawan, pengkritik dan kerajaan Malaysia sendiri. Bagi segala sumbangannya beliau beserta lima orang penulis lain⁵⁵ dianugerahkan gelaran Pejuang Sastera oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1975. Setahun sebelum itu beliau telah dianugerahkan pingat Kesateria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Yang dipertuan Agong. Pada tahun 1980 pula beliau telah dianugerahkan gelaran Datuk oleh Sultan Kedah. Namun begitu kemuncak pengiktirafan terhadap pejuang sastera tanah air ini ialah penganugerahan Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara pada tahun 1982.

Shahnon Ahmad kini berusia dalam lingkungan enam puluhan. Sepanjang empat dekad beliau berkarya, tidak ada kepincangan sosial, ekonomi mahupun politik (dengan tumpuan terhadap orang Melayu) yang terlepas daripada mata tajam penanya. Namun begitu hingga ke hari ini beliau mungkin masih mendengar "jeritan Jeha" jauh di lubuk-lubuk negerinya. Atau beliau memerhatikan masih ramai pegawai-pegawai kerajaan yang berpesta seperti yang digarapnya dalam cerpen "Kisah Malam Lustrum". Atau masih ramai ahli politik berwatakan "si gendut pendek" dalam cerpen "Bercuti di Kampung" yang hanya menampakkan batang hidung kepada masyarakat setiap lima tahun sekali atau seperti En. Adnan

dalam Terededah yang lebih ghairah melayani nafsu peribadinya daripada berkhidmat untuk rakyat. Pendek kata Shahnon mungkin melihat ketajaman mata penanya tidak mampu untuk merombak sistem yang ada. Oleh itu tidaklah menghairankan sekiranya pada tahun 1999 tersiar berita bahawa beliau merupakan ahli seumur hidup Parti Islam Malaysia (PAS) yakni sebuah parti pembangkang.⁵⁶ Berita ini agak mengejutkan apabila diambil kira bahawa beliau merupakan seorang bekas pegawai kerajaan sepanjang hayat kerjayanya dan telah menerima pelbagai anugerah untuk penglibatannya dalam bidang kesusasteraan daripada kerajaan. Seterusnya beliau bertanding dalam pilihanraya umum ke-10 (1999) dan memenangi kerusi parlimen Daerah Sik di bawah parti yang sama. Bagi Shahnon Ahmad, ini mungkin satu-satunya alternatif yang tinggal untuk meneruskan perjuangannya yang gagal dicapai melalui penulisannya.

NAGUIB MAHFOUZ
(Era Awal)

Naguib Mahfouz lahir pada 11 Disember tahun 1911 di al-Jamaliyya yakni sebuah kawasan kediaman di kota Kaherah lama. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab pertama, zaman kanak-kanak beliau yakni suku pertama abad ke-20 bertindih dengan era perubahan dan pembaharuan intelektual di negaranya. Ia bukan sahaja merupakan era

membentuk kebanggaan nasionalisme tetapi juga penemuan intelektual.⁵⁷ Buat kali pertamanya masyarakat Mesir berhadapan dengan begitu banyak akhbar dan majalah dalam bahasa Arab yang bukan sahaja menjadi wahana penyebaran pelbagai idea dan pendapat tetapi juga medium yang membolehkan kesusasteraan Barat mula menyusup masuk ke dalam kebudayaan kebangsaan melalui kerja-kerja terjemahan.

Walaupun beliau hanya tinggal di al-Jamaliyya sehingga berumur 12 tahun (pada tahun 1924 keluarga beliau telah berpindah ke kawasan suburban Kaherah baru al-Abbasiyya); tetapi pada hakikatnya beliau tidak pernah meninggalkan al-Jamaliyya.⁵⁸ Al-Jamaliyya terus hidup di jiwa beliau dan mengambil kesempatan untuk menonjolkan wajahnya dalam hasilan minda beliau. Jika Shahnون dapat diidentifikasi dengan Banggul Derdap dan keseluruhan negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu, Naguib Mahfouz pula dengan mudah dapat diidentifikasi dengan al-Jamaliyya dan al-Abasiyyanya. Sebagaimana Banggul Derdap memperoleh nyawa dan bersebatи secara zahir dan batin dengan Shahnون Ahmad, begitu jugalah Al-Jamaliyya dan Al-Abasiyya dengan Naguib Mahfouz. Karya-karya awal Naguib Mahfouz terutamanya Midaq Alley dan The Cairo Trilogy merupakan pencerminan hidup masyarakat dan latar yang mewarnai kehidupan di Al-Jamaliyya sementara karya-karya berikutnya seperti Children of Gebelawi, The Fountain and Tomb dan The Epic of The Harafish pula walaupun tidak menyebut sebarang latar atau

watak yang boleh disamakan dengan suasana hidup di Al-Jamaliyya secara langsung, tetapi tidak pula terlepas sepenuhnya dengan warna kehidupan yang menandai Al-Jamaliyya.

Sebenarnya Naguib Mahfouz sendiri mengakui peranan yang dimainkan oleh Al-Jamaliyya sebagai sumber inspirasi untuk hasilan kreatifnya sepanjang hayat beliau.⁵⁹ Beliau mengakui bahawa Jamaliyya atau "dunia hara"⁶⁰ sebagaimana yang dirujuknya sekali-sekala sering terpancar dalam kerja-kerjanya dan menambah bahawa ada masanya ketika beliau membicarakan isu-isu intelektual atau bersifat simbolik sekalipun, beliau tidak dapat melarikan diri daripada latar Jamaliyya.

"Hara" sebagaimana yang ada hari ini jauh berbeza dengan apa yang wujud pada era kanak-kanak Mahfouz. "Hara" hari ini merujuk kepada lorong-lorong terpencil di Kaherah yang disinonimkan dengan kelas terendah dalam masyarakat. Namun begitu "hara" yang dikenali Mahfouz pada zaman kanak-kanaknya boleh dianggap sebagai simbol model masyarakat Mesir. Menurut beliau dunia "hara" zaman kanak-kanak beliau (yang wujud sehingga tahun-tahun 30-an, abad ke-20), merupakan tempat tinggal masyarakat Mesir daripada pelbagai susun lapis, kedudukan dan strata sosial. Rumah-rumah bertingkat di mana sebuah keluarga besar yang miskin berasesak di sebuah bilik kecil berselang-seli dengan mahligai indah tersergam yang menjadi tempat tinggal golongan hartawan.⁶¹

Komposisi unik "hara" sebagaimana yang dikenali oleh Mahfouz menerangkan kekerapan ia digunakan dalam karyanya beliau sebagai model untuk masyarakat Mesir.⁶²

Namun begitu ini bukanlah bermakna kehidupan di Jamaliyya dan nostalgia terhadapnya menyebabkan Mahfouz hanya terikat kepada senario tertutup dan sempit. Ini disebabkan pada tahun 1919, yakni ketika beliau hanya berumur 7 tahun, kawasan ini sebagaimana komuniti di seluruh negara Mesir terlibat secara langsung dalam kebangkitan menentang British. Mungkin inilah kali pertama pengarang ini mula-mula mengalami atau mengenali erti nasionalisme. Beliau menegaskan bahawa satu-satunya perkara yang meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam zaman kanak-kanaknya ialah revolusi tahun 1919.⁶³ Kata-kata beliau tentang kesan peristiwa 1919 tidak harus dipandang ringan. Menurut Rasheed El-Enany, seorang pensyarah Pengajian Bahasa Arab dan Islam di University of Exeter dan penterjemah beberapa karya Naguib Mahfouz,

For the rest of his life, as his work attest, he was to remain a child of that golden era of the national struggle and a spiritual follower of the liberal, democratic principle of the Wafd Party which inherited the revolution.⁶⁴

Beberapa buah karya Naguib Mahfouz lama selepas revolusi itu masih lagi mengungkit dan memberikan nafas baru kepada peristiwa 1919 itu. Dalam Fountain And Tomb (1975) misalnya,

yang lebih merupakan sejenis karya bildungsroman, Mahfouz memperincikan revolusi tahun 1919 daripada kaca mata seorang kanak-kanak. Semua rentetan peristiwa penting revolusi tersebut dari permulaannya sehingga kematian ketuanya Saad Zaghlul dipaparkan dalam bentuk ingatan seorang anak.

Naguib Mahfouz dibesarkan dalam lingkungan keluarga⁶⁵ tertutup yang stabil yang diusap ikatan kasih yang mesra sesama ahli keluarga. Keluarganya miskin dan dinaungi oleh ayahnya yang merupakan seorang pegawai kerajaan berpangkat rendah tetapi celik huruf. Beliau merupakan anak bongsu dalam keluarga yang terdiri daripada empat orang abang dan dua orang kakak. Ayahnya seorang ketua keluarga yang ortodoks tetapi lemah lembut. Suasana keluarga yang sedemikian menyebabkan pengarang ini menyanjung tinggi nilai-nilai kekeluargaan dan tidak pernah menentang orang-orang tuanya atau kuasa mereka.⁶⁶ Sentimen ini jelas terbawa-bawa dalam hidupnya menjelang dewasa dan dapat diperhatikan dalam konteks yang lebih luas. Sepanjang hayatnya tokoh ini dikenali dengan sifatnya yang menghormati pihak berkuasa, kesederhanaan dan kecenderungan terhadap perubahan politik dan sosial yang berlaku secara beransur-ansur berbanding dengan reformasi atau revolusi mendadak. Mahfouz juga menjelaskan bahawa patriotisme adalah satu nilai asas yang telah dikutip beliau daripada ayahnya sejak kecil lagi. Mengutip semula kata-kata beliau kepada Jamal al-Ghitani...

"My father always spoke enthusiastically about our national heroes... I grew up in a home where the names of Mustafa Kamil⁶⁷, Muhammad Farid⁶⁸ and Saad Zaghlul⁶⁹ were trully sacred.... The strong emotion with which my father spoke about political figures would make you feel as if they were his personal enemies or friends. My father however was no exception here; this was the public spirit which dominated the country during my childhood.⁷⁰

Semangat masyarakat ketika itu jelas terpancar dalam beberapa buah karya beliau yang menggunakan latar masa yang sama dan akan diperincikan ketika membicarakan The Trilogy.

Mengenai ibunya, Mahfouz mengatakan bahawa beliau merupakan seorang wanita yang amat meminati monumen silam dan peninggalan sejarah. Ketika usianya masih dalam lingkungan empat tahun lagi, ibunya sering membawa beliau melawat piramid, spinix, dan muzium yang mempamerkan mami. Maklumat ini amat bermakna kepada kita memandangkan pada awal era penulisannya Mahfouz menunjukkan kecenderungan yang berat terhadap aspek sejarah silam Mesir dan tiga buah novel pertama beliau berkaitan dengan aspek tersebut.⁷¹

Sebenarnya novel-novel sejarah ini berada di luar skop utama hasilan kreatif pengarang ini dan memiliki nilai instrinsik yang terhad.⁷² Ia lebih merupakan "bengkel" bagi mengasah dan menyediakan penulis muda ini bagi hasilan kreatif yang lebih besar. Namun begitu novel-novel awal ini

penting dalam membolehkan kita memahami nilai budi dan jiwa pengarang tersebut. Minatnya terhadap kegemilangan Mesir silam membuktikan keterikatan jiwanya terhadap warisan bangsanya. Mahfouz jelas merupakan seorang Mesir terlebih dahulu sebelum seorang pengarang, seorang tukang cerita atau seorang seniman. Sebagaimana yang pengkaji akan tunjukkan dalam bab-bab berikutnya dalam tesis ini, pemikiran dan perjuangan beliau yang merentasi setengah kurun melalui penulisannya jelas bersandar pada hakikat ini.

Ketiga berumur dalam lingkungan 12 tahun yakni sekitar 1924, keluarga Mahfouz berpindah ke Abbasiyya. Namun begitu jiwa beliau kekal terikat kepada Jamaliyya dan sentiasa teringin untuk kembali kepadanya.⁷³ Selain daripada Jamaliyya, mungkin Abbasiyya sahajalah satu-satunya tempat lain yang telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam kehidupan pengarang ini. Semua daerah di sekitar Kaherah yang menjadi latar bagi karya-karya beliau hanya diwujudkan di atas desakan mewarnakan latar realisme. Hanya apabila beliau menghidupkan latar yang berkaitan dengan Jamaliyya dan Abbasiyya barulah kelihatan seolah-olah beliau berada dalam lingkungan yang benar-benar bernyawa dan bersebatii dengan jiwanya.

Sementara Jamaliyya menyumbang kepada penciptaan "hara" dengan seribu satu ciri tradisionalnya, Abbasiyya yang terletak di pinggir gurun pula menyumbang ke arah penjelmaan

dan diskripsi "khala" (kawasan terbuka, kegersangan, kekosongan). Antara karya-karya beliau yang jelas terpengaruh dengan latar tersebut ialah Children of Gebelawi dan Harafish. Children of Gebelawi terutamanya berlatarbelakangkan "khala" dari awal hingga ke akhir cerita. Latar ini amat sesuai dengan inti cerita tersebut yang mengisahkan kehidupan masyarakat yang miskin, teraniaya dan dinafikan segala hak asasi mereka. Gambaran peribadi yang terjelma di dalam jiwa beliau tentang "khala"⁷⁴ ialah latar untuk pembunuhan, pengkebumian rahsia dan pertempuran berdarah antara kumpulan yang bermusuhan. Ia merupakan suatu latar di mana sikap liar dan kebinatangan manusia dan kekosongan jiwa mereka memperoleh nyawa melalui kekosongan dan kegersangan yang tertebar di persekitaran. Namun begitu secara paradoks, "khala" juga merupakan suatu tempat perlindungan daripada segala keganasan dan ancaman dunia, tempat pertapaan dan pencarian diri, tempat pertemuan diri dengan misteri dan keajaiban yang tidak terjawab dan visi bagi kebaikan dan reformasi. Pendek kata "dunia hara" dan "dunia khala" merupakan dunia Mahfouz. Di sekitar dunia inilah beliau membentuk karya-karya utamanya.

Pendidikan dan Pengaruh Intelektual

Sebagaimana dengan generasi sezaman dengannya, pendidikan Mahfouz bermula di sekolah agama (kuttab) yang

menjurus kepada ilmu agama dan kemahiran asas mengenal huruf sebelum memasuki sekolah rendah awam. Tidak banyak yang diketahui tentang pendidikan awal beliau atau sejauh mana ia mempengaruhi pemikirannya. Satu maklumat penting yang diketahui daripada beliau ialah minatnya yang mendalam terhadap pembacaan sejak memasuki sekolah. Sebagaimana dengan Shahnon Ahmad, Naguib Mahfouz juga merupakan seorang pembaca yang serius. Pada tahap awal, kebanyakan bahan bacaannya berbentuk cerita penyiasatan. Pada peringkat menengah, minat ini meliputi karya-karya berbentuk sejarah dan pengembaraan. Minat terhadap membaca ini seterusnya merangsang minat untuk berkarya. Ini dilakukan pada musim cuti sekolah. Pada mulanya ini dilakukan dengan menyalin semula keseluruhan buku yang telah dibacanya dengan menokok butiran daripada pengalaman peribadinya.

Pada usia remajanya Mahfouz mula "berkenalan" dengan tokoh-tokoh tempatan yang dinamakannya sebagai "pelopor"⁷⁵ melalui hasil tulisan mereka. Antaranya yang dinamakan sendiri oleh beliau ialah Taha Husayn (1889-1973), Abbas Mahmud al-Aqqad (1889-1964), Salama Musa (1888-1958), Ibrahim al-Mazini (1889-1949), Muhammad Husayn Haykal (1888-1956), dan kemudian Mahmud Taymur (1894-1973), Tawfiq al-Hakim (1898-1987) dan Yahya Haqqi (1905 -1992). Mahfouz mengakui keberhutangannya kepada penulis-penulis ini dalam "membebaskannya daripada kaedah pemikiran tradisional, menarik minatnya terhadap kesusastraan sejagat, menyumbang sudut pandangan baru terhadap kesusastraan Arab tradisional

dan pada masa yang sama menawarkan model bagi cerpen, novel dan drama".⁷⁶ Karya Taha Husayn yang terkenal, Fi al-Shir al-Jahili (Mengenai Puisi Pra-Islam) (1926) yang mempersoalkan kesahihan pandangan umum terhadap Islam dan juga kesusasteraan yang berkait dengannya serta mencetuskan konflik sastera dan politik pada zaman itu, dikatakan oleh Mahfouz sebagai karya yang meninggalkan kesan terbesar terhadap perkembangan inteleknya. Pernyataan pengarang ini (tentang karya tersebut) tidak harus dipandang ringan. Ini kerana karya-karya beliau sendiri selepas itu menunjukkan aliran rasional yang amat tegas dan sentiasa meletakkan alasan atau logik di atas tradisi. Pengkaji akan menunjukkan perkara tersebut dengan jelas pada bab-bab akan datang ketika membicarakan pemikiran beliau.

Selain daripada Taha Husayn, terdapat dua orang pengarang Mesir lain yang juga telah mempengaruhi pemikiran Mahfouz pada usia mudanya. Mereka ialah Salama Musa dan Abbas Mahmud al-Aqqad. Pandangan sekular, sosialis dan evolusionis Salama Musa dan konsep beliau tentang nasionalisme Mesir jelas memikat Mahfouz⁷⁷ dan boleh diperhatikan dalam buku-buku awal beliau yang berkisar di sekitar kegemilangan sejarah Mesir silam. Perlu diingati bahawa sebahagian kerja awal Naguib Mahfouz pada tahun-tahun 30-an telah diterbitkan dalam majalah "Al-Majalla al-Jadida" ("The New Review") milik Salama Musa. Sementara itu penyelongkaran prinsip astetisme dan falsafah lain yang dilakukan oleh Abbas Mahmud

al-Aqqad pula diakui oleh Mahfouz sebagai pendorong kepada-nya untuk memilih falsafah sebagai bidang pengajian untuk ijazah pertamanya.⁷⁸

Naguib Mahfouz memasuki Universiti Raja Fua'ad (kini Universiti Kaherah) sebagai pelajar falsafah dari tahun 1930 hingga 1934. Sejurus selepas menamatkan pengajian, beliau memulakan kajian dalam bidang falsafah untuk mendapatkan ijazah sarjana. Namun begitu beliau tidak menamatkan kajiannya. Desakan hatinya untuk berkarya mencetuskan konflik di dalam dirinya. Menurut kata-katanya sendiri, beliau "dibelenggu pertentangan yang menggerunkan di antara kesusasteraan dan bidang falsafah "saya terpaksa membuat keputusan ... jika tidak saya akan hilang kewarasan saya".⁷⁹ Kesudahannya beliau membelakangkan pengajian sarjananya dan memulakan langkah berani ke bidang kesusasteraan dan penulisan. Namun, reaksi intelektual beliau terhadap bidang falsafah dapat diperhatikan daripada beberapa artikel beliau yang terbit dalam surat khabar dan majalah sepanjang zaman beliau menuntut di universiti dan tahun-tahun selepas itu. Taha Badr, sarjana yang mengkaji artikel-artikel tersebut mengesan pemikiran ahli falsafah Peranchis, Henri Bergson⁸⁰ yang menerawang merentasinya. Menurut Badr, idea dualiti jasad dan roh (menurut Bergson, kehendak jasad dan roh manusia ada masanya bercanggah) dan konsep pengutamaan intuisi berbanding dengan penaakulan saintifik (yang menjadi pegangan Bergson) perlu didalami untuk

memahami kerja-kerja Mahfouz.⁸¹ Sebenarnya terdapat banyak episod dalam karya-karya Mahfouz yang boleh dijadikan contoh bagi menunjukkan pengaruh falsafah Bergson yang berkaitan dengan konsep masa sebagai kala yang berterusan dan dualiti jasad dan roh serta perjuangan manusia untuk membebaskan dirinya daripada ikatan jasad dan mencapai kebebasan rohani.⁸²

Satu lagi konsep Bergson yang menonjol dalam karya-karya Mahfouz ialah falsafah yang berkaitan dengan "dwimoral". Bergson mentafsirkan dua sumber untuk nilai moral. Pertama yang bersandar pada intelek dan kedua yang bertolak daripada intuisi. Pernyataan atau pegangan bahawa nilai moral bersandar pada intuisi jelas mendapat perhatian Mahfouz dan dapat dikesan dengan mudah dalam beberapa karya utama beliau.⁸³

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, minat yang mendalam terhadap bidang kesusastraan nampaknya mengatasi kecenderungan Naguib Mahfouz terhadap bidang falsafah. Setelah mengabaikan usaha untuk memperoleh ijazah sarjana, beliau mula berkecimpung dalam bidang penulisan dan mencurahkan sepenuh tenaga terhadapnya. Satu perkara yang jelas ialah Mahfouz telah membuat keputusan dari awal untuk menjadi seorang penulis yang berjaya. Beliau bukan sahaja menulis disebabkan desakan dalaman untuk berkarya tetapi telah merancang penulisannya

agar mampu meninggalkan impak terhadap pembaca dan menempatkan dirinya di kalangan penulis yang serius. Untuk beberapa tahun selepas meninggalkan universiti, beliau tidak mengarang tetapi sebaliknya melengkapkan dirinya dengan membaca hasilan sastera terkemuka dunia. Malah beliau telah menggunakan The Outline of Literature oleh John Drinkwater⁸⁴ bagi membolehkannya memilih bahan dan merancang pembacaannya. Berbeza dengan Shahnon Ahmad yang membaca berdasarkan minat, Naguib Mahfouz pula memilih dan merancang pembacaannya dengan cukup sistematik. Namun begitu perlu diingati bahawa Naguib Mahfouz bukan merupakan seorang penuntut bahasa atau kesusasteraan (pada peringkat ijazahnya). Oleh itu beliau tidak mungkin mempunyai asas dalam dunia kesusasteraan sebagaimana Shahnon. Oleh itu perancangan yang teliti membolehkan beliau mengenali pengarang dan hasil karya mereka yang benar-benar bermutu. Tidak ada karya atau pengarang agung yang terlepas daripada tatapan beliau.⁸⁵

Hanya setelah menjalani persediaan yang begitu rapi, barulah beliau mula berkarya dengan serius. Karya pertama beliau, Abath al-Aqdar (The Game of Fates) hanya terbit pada tahun 1939 yakni lebih kurang lima tahun selepas beliau menamatkan ijazah sarjana mudanya. Dari era itulah dunia Arab mula mengenali kehadiran seorang penulis muda bernama Naguib Mahfouz yang kemudiannya akan menggoncang dunia kesusasteraan Mesir, Arab dan dunia secara berterusan untuk lima dekad akan datang.

Namun begitu, pengarang ini menafikan dengan pantas apabila disoal sama ada pembacaan dan pendedahan luas kepada penulis-penulis asing ini mempengaruhi hasil tulisannya. Dalam satu temu ramah beliau menegaskan bahawa "saya tidak muncul daripada jubah sebarang penulis dan saya tidak mungkin bernaung di bawah sebarang satu teknik khusus".⁸⁶ Begitu juga apabila ditanya tentang sejauh mana penulis novel Arab awal meninggalkan kesan terhadap penulisan beliau, Mahfouz berkata bahawa "tidak terdapat sebarang ketokohan dalam novel (dalam bahasa Arab) yang membolehkan saya bergantung saya tiba di satu senario yang hampir kosong. Saya terpaksa menyandang tanggungjawab untuk menemukan sesuatu dan seterusnya menetapkan asas untuk diri saya sendiri".⁸⁷

Prinsip Hidup, Pendirian, Pegangan Politik

Politik merupakan aspek terpenting Naguib Mahfouz sepanjang kerjaya kreatifnya. Malah beliau sendiri menegaskan bahawa pembaca akan menemui politik dalam kesemua tulisannya; ini kerana politik merupakan asas pemikiran manusia.⁸⁸ Namun begitu satu perkara yang perlu diberikan perhatian khusus ialah beliau tidak pernah bergerak aktif dalam politik secara formal, tidak pernah menganggotai sebarang parti politik atau memegang sebarang jawatan

politik sepanjang hayatnya yang merentasi pelbagai regim politik itu. Di sini mungkin timbul persoalan mengapa seorang individu yang meletakkan garis pemisah yang begitu jelas dan mengelakkan dirinya daripada sebarang kemelut politik masih mahu menyentuh aspek-aspek politik dalam hampir setiap karyanya. Jawapan untuk soalan ini mungkin boleh didapati daripada kata-kata pengarang ini sendiri...

Sometimes the artist finds it difficult to express himself, especially when we consider the state's position towards him. This is generally true in the Arab World, where we cannot dissociate art and politics... The artist's dilemma depends to a great extent on the state's position vis-a-vis freedom of expression. Should the state ignore the writer's voice, it alone is the loser, for his is the voice of truth... a voice that knows and offers what no intelligence apparatus is capable of providing.⁸⁹

Pernyataan oleh Naguib Mahfouz ini mendedahkan dua tanggapan penting dalam hidup beliau. Pertama beliau jelas seorang yang akur akan kekuasaan pihak pemerintah dalam menentukan kebebasan bersuara yang dimiliki seseorang seniman. Pada masa yang sama beliau mempunyai pandangan yang amat pasti tentang peranan seseorang seniman itu sendiri. Bagi beliau suara seniman harus diberikan perhatian, dihormati dan tidak harus ditolak sebagai sesuatu yang remeh. Bagi beliau seorang penulis tidak semestinya turun ke padang, melibatkan diri dalam politik dan berjuang secara fizikal. Ini disebabkan suaranya sendiri merupakan asas

kepada perjuangan. Malah suara yang terkandung dalam wadah seseorang seniman itu jauh lebih tulus, bermakna dan berkesan daripada sebarang bentuk perjuangan lain. Tanggapan sedemikian membolehkan beliau menunjukkan komitmen yang ikhlas terhadap politik dan pada masa yang sama penceraian yang menakjubkan daripada politik.⁹⁰

Naguib Mahfouz berusia 7 tahun semasa meletusnya Revolusi 1919. Perjuangan masyarakat Mesir pada kala itu yang merentasi zaman kanak-kanak, remaja dan universiti beliau mempunyai dua tujuan pokok; pertama untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British dan kedua untuk mengasaskan kerajaan demokratik di tempat yang diduduki monarki mutlak. Perjuangan asas ke arah matlamat ini dipikul oleh Parti Wafd yang bangkit daripada perjuangan 1919. Sebagaimana seluruh masyarakat kebanyakan Mesir pada ketika itu yang memandang kepada Parti Wafd sebagai harapan politik mereka, Mahfouz juga jelas bersimpati dengan perjuangan dan pejuang parti ini. Walaupun tidak pernah terlibat secara langsung dalam parti tersebut, beliau pernah mengambil bahagian dalam beberapa mogok dan demonstrasi yang diadakan.⁹¹ Mahfouz juga tertarik dengan pergerakan sosialis yang sememangnya aktif di Mesir pada era yang sama. Artikel pertama beliau yang terbit pada bulan Oktober 1930 menegaskan keyakinan beliau bahawa sosialisme akan menguasai, mengatasi dan menunjukkan kejayaan terhadap semua doktrin lain.⁹² Namun begitu sejak awal lagi beliau tidak pernah menyenangi pergerakan

fundamental Islam malah secara terus terang memaklumkan bahawa beliau membenci pergerakan "Saudara Muslim" dari awal.⁹³ Berbeza dengan sosialisme yang menjadi ideal beliau, Mahfouz menolak pergerakan fundamental Islam sebagai sesuatu yang tidak sesuai untuk zaman moden.

Senario politik Mesir mengalami perubahan mendadak apabila General Muhammad Neguib mengetuai rampasan kuasa pada tahun 1952. Kedua-dua kerajaan monarki dan berparlimen dihapuskan. Muhammad Neguib seterusnya memberi laluan kepada Kollenal Abdul Nasser. Tanggapan Mahfouz terhadap perubahan arus dalam politik negaranya jelas. Pada tahun tercetusnya rampasan kuasa itulah beliau menyudahkan penulisan The Trilogy. Tahun tersebut juga menandakan permulaan era kesepian beliau daripada arena penulisan sehingga tahun 1957. Sejak tahun-tahun tersebut hingga ke hari ini beliau telah berkali-kali terpaksa menerangkan sebab-sebab untuk kesepian pena beliau. Pada suatu ketika beliau memberikan penerangan bahawa masyarakat yang telah diperkatakannya pada masa itu (sebelum 1952) telah mengalami perubahan dalam sekilip mata dan banyak daripada kepincangan sosial yang telah menggerakkannya untuk menulis telah dibetulkan oleh regim baru itu.⁹⁴ Namun begitu dari hari ke hari mungkin beliau perhatikan pelbagai kekurangan dan kegagalan regim tersebut. Kepincangan yang wujud dalam parti pemerintah pada ketika itu dan kegalannya untuk mengutamakan kebijakan masyarakat merupakan sesuatu yang ketara. Tarek Heggy, seorang pensyarah, pemikir politik dan pengulas

ekonomi Mesir menyimpulkan pemerintahan Abdul Naseer seperti berikut:

... the state has, while paying lip service to the slogan "in service of society and the citizens", set itself other aims and functions to which is accorded a higher priority rating than the four basic functions (defence, security, justice, public service) incumbent on it. Between 1952 and 1970, the main functions of a state in Egypt were to extend its influence in Africa, The Middle East, the Arab World and the Non-Aligned Movement, in addition to defending the regime inside, ensuring its continuity and striking its opponents...⁹⁵

Maka tidaklah menghairankan sekiranya novel pertama Naguib Mahfouz apabila beliau mula menulis semula iaitu Children of Gebelawi (1967) lebih merupakan rintihan berbentuk alegori tentang kegagalan manusia untuk mencapai keadilan sosial. Malah kesemua karya beliau⁹⁶ pada tahun-tahun 60-an boleh dilihat sebagai pencerminan kritikan pahit yang disasarkan terhadap revolusi yang gagal membawa sebarang kebaikan kepada manusia.⁹⁷ Kesemua karya tersebut berlegar di sekitar kekecewaan dan kegusaran masyarakat Mesir, terutamanya golongan kelas pertengahan dan profesional, yang cuba memahami era silam yang menjadi warisan dan pernah dialami oleh mereka serta realiti kehidupan semasa yang penuh dengan kekalutan lagi mencekik.⁹⁸ Watak-watak beliau dalam karya-karya era tersebut bukan lagi manusia yang penuh dengan nyawa dan warna sebagaimana yang

terdapat dalam karya-karya realisme sebelumnya. Sebaliknya kini ceritanya berpusar di sekitar watak-watak yang letih dan sinis.⁹⁹ Disilusi Mahfouz terhadap revolusi 1952 bukanlah terhadap prinsip pegangan pelopor revolusi itu tetapi lebih terhadap pelaksanaannya yang gagal memenuhi prinsipnya. Ini diakui sendiri oleh beliau. Menurut beliau:

There is no doubt that the declared aims of the 23 July [1952] revolution would have been to me and my entire generation very satisfactory only if they had been carried out in the spirit in which they were declared.... I wanted nothing more than true socialism and true democracy. This has not been achieved.¹⁰⁰

Kelantangan kritikan Mahfouz terhadap pelaksanaan dasar-dasar regim yang diketuai oleh Naseer itu bermula lama sebelum kemuncak kegagalannya (rejim tersebut) dalam peperangan dengan Israel pada tahun 1967. Peristiwa hitam tahun 1967 dan kematian Naseer pada tahun 1970 membawa bidasan beliau terhadap revolusi itu ke puncaknya dalam bentuk novel al-Karnak (The Karnak) (1974). Karnak ialah nama sebuah kedai minum (afe) di mana watak-watak dalam cerita ini sering berkumpul. Cerita ini berkisar di sekitar ketidakpastian dan kegusaran masyarakat Mesir terhadap kerajaan kuku besi di negara mereka pada tahun 60-an. Sebarang individu yang disyaki akan menerima padah yang amat menggerunkan di tangan pegawai kerajaan yang tidak berperikemanusiaan. Ketakutan yang membelenggu itu menyebabkan masyarakat lebih rela mendiamkan diri dan mengelakkan sebarang pertembungan dengan kerajaan atau

sekutunya.

Satu perkara yang menakjubkan tentang tokoh ini ialah keupayaannya untuk membataskan perjuangannya kepada penanya semata-mata. Tidak terdapat sebarang dokumen atau bukti yang menunjukkan beliau pernah melakukan sebarang bentuk perjuangan yang lain selain daripada melalui hasil karyanya semata-mata. Itupun dilakukan dengan begitu halus dan simbolik serta memerlukan renungan yang mendalam dan jiwa yang sensitif untuk memahami maksud yang terselit di sebalik baris-baris tersuratnya. Beliau bukan seorang aktivis politik, pejuang kemerdekaan atau tokoh revolusi. Namun begitu hasil karyanya menunjukkan beliau layak menerima mana-mana satu atau kesemua gelaran tersebut. Ghali Shukri, seorang wartawan Mesir dan pengkritik sastera yang mula-mula menulis tentang hasilan Naguib Mahfouz secara terperinci menggambarkan pemenang hadiah novel ini sebagai seorang manusia biasa: "masyarakat mengharapkan (menjangka) seorang penulis atau seniman agung akan mempunyai kehidupan yang luar biasa, tetapi pada hakikatnya, kehidupan Naguib Mahfouz terlepas daripada sebarang kejadian luar biasa".¹⁰¹ Perkara yang sama juga dinyatakan oleh seorang intelektual Mesir, Louis Awad: "tidak pernah saya menemui seorang penulis yang diterima oleh semua pihak dan hasilannya dihargai oleh modernis, tradisionalis dan mereka yang berada di antaranya sebagaimana dengan yang terjadi pada Naguib Mahfouz".¹⁰²

Hakikat ini mungkin ada kaitannya dengan satu lagi faktor penting dalam hidup pengarang ini. Sebahagian besar daripada hayat beliau, Naguib Mahfouz dikenali sebagai seorang kakitangan awam. Kedudukan sebagai salah seorang anggota yang berkhidmat dalam kerajaan yang memerintah memungkinkan bidasannya diterima sebagai satu kritikan yang membina. Penglibatannya dengan perkhidmatan awam bermula sejak beliau memperoleh ijazah pada tahun 1934 sehingga saat persaraannya pada tahun 1971. Pada tahun 1934 beliau memasuki perkhidmatan pentadbiran Universiti Raja Fu'ad I sebagai seorang kerani. Pada tahun 1945 beliau telah ditukarkan ke Perpustakaan al-Ghuri di Jamaliyya di atas permintaannya sendiri lantas membolehkannya kembali ke pangkuhan latar asal yang amat rapat dengan jiwanya. Dari situ beliau beralih kepada Kementerian Kebajikan dan ditugaskan bagi menguruskan pinjaman tanpa faedah kepada golongan miskin. Dari awal tahun 1950-an Mahfouz memasuki perkhidmatan yang lebih condong ke arah bidang penerangan dan kebudayaan. Untuk jangka masa lebih kurang dua puluh tahun berikutnya beliau menduduki pelbagai jawatan yang agak berpengaruh serta berkaitan dengan aspek kebudayaan. Antaranya ialah setiausaha kepada Menteri Penerangan, pengarah Pejabat Penapisan Filem, Ketua Pengarah Perbadanan Sokongan Filem, penasihat kepada Organisasi Industri Filem, Penyiaran dan Televisyen, dan akhir sekali penasihat kepada Menteri Kebudayaan. Setelah bersara pada tahun 1971 pada usia 61 tahun, beliau dijemput menjadi salah seorang

pengarang surat khabar Al-Ahram yang sememangnya dikenali sebagai wahana penulisan untuk puluhan penulis besar Mesir. Novel terakhir beliau yang diterbitkan melalui keluaran bersiri dalam akhbar ini ialah Qushtumur pada tahun 1988.

Naguib Mahfouz merupakan penulis yang paling terkenal di seluruh dunia Arab. Sehingga ke hari ini beliau telah menerbitkan tiga puluh lima buah novel dan empat belas antologi cerpen dan drama. Walaupun novel pertama beliau terbit pada tahun 1939, nama beliau tidak ditempatkan di kalangan penulis agung serantau yang lain sehingga tahun 1950-an iaitu apabila The Trilogy menemui masyarakat pembaca. Sejak itu beliau telah menempa nama sebagai penulis fiksyen teragung dan tanpa tandingan dalam bahasa Arab. Di kalangan pengkaji kesusastraan moden Arab khususnya di Mesir, beliau bukan sahaja dianggap sebagai tukang cerita tetapi lebih daripada itu beliau diterima sebagai perakam waktu dan pencatat zaman yang dikenalinya untuk lebih setengah abad ...

Many critics have rightfully argued that reading Naguib Mahfouz's work alone constitutes an alternative history of Modern Egypt, whether political, social, intellectual, or aesthetic.¹⁰³

Hakikat bahawa beliau bergerak seiring dengan masyarakatnya terserlah dengan lebih ketara apabila direnungkan kata-kata pengarang ini sebagai alasan untuk

beliau berhenti berkarya selepas rampasan kuasa pada tahun 1952. Menurut beliau...

... for when the old society went,
every desire within me to criticise it
went too. I thought my literary career
had come to an end. I had nothing to
say or write. I was sincere in
announcing this. It was not a matter of
propaganda.....I considered the matter
completely finished.¹⁰⁴

Pada tahun 1970 beliau telah dianugerahkan Anugerah Negara Untuk Sastera oleh kerajaan Mesir dan pada tahun 1988 Anugerah Nobel untuk Kesusasteraan. Naguib Mahfouz kini telah berusia melewati sembilan puluh tahun. Keuzuran dan keadaan kesihatannya yang kurang mengizinkan menyebabkan beliau tidak berkarya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

RUMUSAN

Satu persamaan yang amat ketara antara kedua-dua orang penulis ini ialah mereka mewakili zaman dan masyarakat mereka. Mereka mungkin merupakan tukang cerita tetapi cerita mereka adalah tentang manusia-manusia bernyawa yang hidup dalam lingkungan mereka. Mereka bergerak sejajar dengan perkembangan kehidupan pada latar masa dan tempat mereka lahir, membesar dan menjalani kehidupan. Pendek kata kedua-

dua mereka merupakan pemerhati masyarakat dan negara yang setia dan perenung fenomena kemasyarakatan yang sensitif.

Kedua, mereka begitu yakin tentang kuasa yang ada pada penulisan mereka.¹⁰⁵ Mereka seolah-olah mengamanahkan karya-karya mereka untuk hadir dan bertindak bagi pihak mereka. Mereka berkarya bertolak daripada kayakinan bahawa karya-karya mereka akan mampu melaksanakan sesuatu yang tidak mampu lakukan oleh mereka secara fizikal. Sastera di tangan mereka memperoleh tenaga untuk menyeru, membidas, mengkritik dan mencadang. Ada kalanya perkara tersebut dilakukan dengan tersembunyi atau diserahkan kepada watak-watak yang menjadi alter-ego mereka dan ada masanya ia dilakukan dengan terang tanpa berselindung. Bezanya hanya Naguib Mahfouz memulakan perjuangan tersebut dengan sastera dan menghentikan perjuangannya dengan sastera, manakala Shahnon Ahmad meneruskan perjuangannya dengan menerjuni satu bidang lain.

CATATAN

1. Sahlan Mohd. Saman, "Novel Melayu Mutakhir Pada Perspektif Antara Disiplin" dalam S. Jaafar Husin (ed), Pengantar Kesusasteraan Bandingan, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hlm. 63.
2. Ibid., hlm. 63.
3. A. Wahab Ali, "The Role Of Literature In Transmitting National Values - Malaysia" dalam Roger J. Bresnahan (ed), Literature And Society: Cross Cultural Perspectives, (11th American Studies Seminar, Los Banos, Philippines, 1976), hlm. 36.
4. Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm. xi.
5. Ungkapan ini digunakan oleh Prof. Ismail Hussein, teman Shahnon di Maktab Sultan Abdul Hamid pada awal tahun 50-an. Menurut beliau gelagat kedesaan Shahnon dapat diperhatikan dengan jelas walaupun semasa menuntut di kolej tersebut. Malah Shahnon juga tidak pernah segan atau malu untuk menunjukkan ciri-ciri kedesaannya.
Lihat Ismail Hussein, Sastera Dan Masyarakat, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Zakry Abadi, 1974), hlm. 24.
6. Shahnon Ahmad, "Mengapa Aku Menulis Ranjau Sepanjang Jalan", Dewan Masyarakat, Jilid vii, Bil. 6. Jun 1969, hlm. 32.
7. Sebagai seorang yang berkhidmat dengan British, bapa Shahnon mungkin menyedari kepentingan pendidikan Inggeris. Pendidikan ini adalah satu-satunya jalan yang akan membolehkan orang Melayu melibatkan diri dengan struktur pemerintahan British. Hanya mereka yang mempunyai pendidikan Inggeris sahaja akan dipertimbangkan untuk Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (Malay Administrative Service, MAS) yakni satu skim perkhidmatan yang lebih rendah statusnya berbanding dengan The Malayan Civil Service (MCS) yang terbuka kepada orang

Inggeris. Walau bagaimanapun seseorang berbangsa Melayu juga boleh dipertimbangkan untuk memasuki skim MCS sekiranya telah berkhidmat untuk satu jangka masa yang lama dalam MAS.

Lihat S. Husin Ali, The Malays: Their Problem And Future, (Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1981), hlm. 19.

8. Robert L. Winzeler, "Traditional Islamic Schools in Kelantan", JMBRAS, Vol. 48, May 1974, hlm. 91-105.
9. Ramai sarjana tempatan bersepakat bahawa tahun-tahun 50-an adalah satu era kesinambungan dan pemantapan perkembangan novel-novel Melayu yang sudahpun bertapak dengan kukuh pada tahun-tahun sebelum PDII iaitu antara 1925 hingga 1942. Sila lihat Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman dan Zakaria Ariffin, History of Modern Malay Literature Vol II, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), hlm. 209.
10. Salina dan pengarangnya A. Samad Said beberapa kali dirujuk oleh beliau dalam bukunya Gubahan Novel. Sila lihat Shahnon Ahmad, Gubahan Novel, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979).
11. Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, hlm. 15.
12. Ibid.
13. Shahnon Ahmad, Gubahan Novel, hlm. ix.
14. Ibid., hlm. viii.
15. Ibid.
16. Kata Shahnon ...

Apa sahaja bahan bacaan yang bahasanya kita boleh kuasai, kita perlu baca kerana melalui bacaan yang luas itulah secara tidak langsung dan secara tidak sedar kita belajar bukan sahaja gaya bahasa tetapi juga gaya penyusunan dan pembentukan sesebuah karya seni sastera. Lihat Ibid., hlm. x.

17. Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, hlm. 15.

18. Ibid., hlm. 2.

19. Alphonse Daudet (1840-1897) yang kadang-kadang dirujuk sebagai 'Dickens Peranchis' lahir dalam sebuah keluarga miskin di Nimes, Peranchis. Sebagaimana dengan Charles Dickens, Daudet juga banyak menulis tentang penderitaan masyarakat miskin dan terpinggir - satu ciri yang juga menyerlah dalam penulisan Shahnon. Antara novel realisme Daudet yang memberikan gambaran terperinci tentang kehidupan masyarakat pada zamannya ialah Nabob (1877) dan Sapho (1884). Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 5 (1993). S.V. "Daudet, Alphonse", hlm. 42.

Cerpen beliau yang diterjemahkan ialah "The Final Lesson" ("Pelajaran Yang Penghabisan") terbit dalam Majalah Guru pada bulan September 1957 dan seterusnya dibukukan dalam antologi cerpen Setangqi. Cerita ini mengisahkan tekanan jiwa seorang guru Peranchis yang hilang pekerjaannya apabila Peranchis diduduki Jerman. Lihat Shahnon Ahmad, Setangqi: Antologi Cerpen Pendek Dunia, (Seberang Perai: Pustaka Rumaja, 1960), hlm. 61-64.

Tema semangat nasionalisme yang berkaitan dengan maruah sesebuah bangsa yang terjajah ini mempunyai kesannya yang tersendiri terhadap orang-orang Melayu yang berhadapan dengan krisis mendaulatkan bahasa Melayu di Tanah Melayu ketika itu.

20. Guy de Maupassant (1850-1893). Penulis Peranchis yang dilahirkan di Normandy ini diterima umum sebagai salah seorang penulis cerpen teragung dunia. Cerita de Maupassant menyentuh pelbagai aspek termasuk kehidupan golongan kelas pertengahan, petani, pegawai-pegawai kerajaan Peranchis, perangan Franco-Prussia, haiwan dan kisah hantu. Dalam hayatnya beliau telah menghasilkan lebih kurang 250 buah cerpen dan kebanyakannya diterbitkan dalam bentuk antologi. Antaranya yang terkenal ialah The Tellier House (1881), Yvette (1885), Toine (1886) dan The Horla (1887). Pengaruh penulisan de Maupassant terhadap karya-karya Shahnon Ahmad sukar dinafikan. Tulisan-tulisan de Maupassant realistik dan sering bernada sinis serta pasimistik terhadap manusia terutamanya golongan tertindas. Dalam banyak tulisan beliau, de Maupassant menunjukkan simpati terhadap

golongan miskin dan tersisih. Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 5 (1993). S.V. "De Maupassant, Guy", hlm. 100.

Tiga buah cerpen beliau yang telah diterjemahkan ialah "The Story of a Farm Girl" ("Cerita Gadis Desa"), "Lost at Sea ("Hilang di Laut") dan "A Condition" ("Syarat"). Ketiga-tiganya terkandung dalam antologi cerpen Setanqqi. Cerita pertama mengisahkan tentang liku-liku hidup dan penderitaan seorang pembantu rumah bernama Rose. Gadis ini yang mengandung sebelum berkahwin telah ditinggalkan oleh teman lelakinya Jacques. Gadis ini menanggung pelbagai kesengsaraan dan akhirnya berkahwin dengan tuannya. Lihat Shahnon Ahmad, Setanqqi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 1-19. Cerita kedua pula mengisahkan tentang kezaliman seorang nelayan terhadap isterinya. Selepas sepuluh tahun, akhirnya wanita itu terlepas daripada kezaliman tersebut apabila suaminya mati di laut. Wanita itu seterusnya membeli seekor burung kakak tua. Malangnya celoteh burung itu juga mirip/mengingatkan wanita itu tentang bekas suaminya. Dia seterusnya membuang burung itu ke dalam laut (yang telah menelan suaminya suatu masa dahulu). Lihat Shahnon Ahmad, Setanqqi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 30-36. Cerita ketiga pula berkisar di sekitar Baroness de Gangerie, seorang wanita yang berkedudukan yang meniduri lelaki lain yang memberikan wang untuk perkhidmatannya. Pada masa yang sama wanita ini juga menanggung tekanan mental kerana sedar dia berlaku curang terhadap suaminya. Lihat Shahnon Ahmad, Setanqqi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 65-70.

Ketiga-tiga karya ini berpusat pada kehidupan, kesengsaraan dan nialuri seks wanita. Mereka merupakan watak-watak wanita yang terperangkap dalam pergelutan hidup dan aturan yang dipaksakan ke atas diri mereka oleh persekitaran dan masyarakat. Baroness de Gangerie pula terperangkap dengan nafsu seksnya sendiri. Karya-karya ini meninggalkan kesannya yang tersendiri dalam tulisan Shahnon yang berhubung dengan hubungan kemanusiaan, aturan kehidupan dan nialuri seks sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam misalnya novel Terededah.

21. Leo Tolstoy (1828-1910). Seorang penulis Russia yang namanya disenaraikan di kalangan novelis teragung dunia. Karya agung beliau ialah War and Peace (1869) dan Anna Karenina (diterbitkan secara berperingkat-peringkat 1875-1877). War and Peace merupakan sebuah karya berunsur sejarah yang mengisahkan peristiwa politik dan kententeraan di Eropah di antara 1805 hingga 1820. Cerita ini meninjau tahap-tahap kehidupan (kelahiran, membesar, perkahwinan, seks, pemerolehan anak, penuaan, dan kematian) lima buah keluarga dalam pada mereka mengalami pelbagai pengalaman disebabkan

faktor persekitaran dan perjalanan masa. Anna Karenina pula merupakan sebuah novel yang berkisar pada kecurangan terbuka Puteri Russia, Anna Karenina, terhadap suaminya Karenin dan hubungannya dengan seorang bangsawan bernama Vronsky. Anna dan Vronsky terpaksa menghadapi pelbagai kecaman dan cabaran disebabkan ketidaksenangan golongan kelas menengah dan berkesudahan dengan pembunuhan diri Anna. Tetapi Anna Karenina bukan setakat sebuah kisah romantik tragis. Lebih daripada itu karya ini menyelongkar dan mendedahkan isu-isu sosial, moral dan falsafah di Russia dan di kalangan aristokratnya secara luas. Ini termasuklah sikap kepura-puraan golongan atasan dan peranan agama dalam kehidupan seseorang manusia. Tolstoy juga merupakan seorang ahli falsafah dalam erti katanya yang tersendiri. Beliau sentiasa mempersoalkan erti kewujudan dan tujuan kehidupan. Pergolakan jiwanya ini diterangkan dalam eseinya "My Confession" (1882). Beliau menegaskan bahawa manusia akan dapat memahami diri dan kebaikan di dalam diri sekiranya sanggup melakukan 'pencarian diri' dan bersedia mengalami reformasi. Pencarian ini berakhir dengan beliau menolak penguasaan Gereja Orthodoks Russia dan mengasaskan pemahaman Kristiannya yang tersendiri. Menjelang hari-hari terakhir hayatnya beliau meninggalkan segala kesenangan hidup (termasuk harta dan keluarga) dan menjalani kehidupan sebagai seorang petani. Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 19 (1993). S.V. "Tolstoy, Leo", hlm. 289-190.

Karya beliau yang diterjemahkan ialah "Watching for the Truth from God" ("Menunggu Kebenaran dari Tuhan"). Ia mengisahkan tentang seorang lelaki bernama Aksionov yang telah didapati bersalah di atas tuduhan membunuh. Sebenarnya Aksionov tidak bersalah tetapi dia dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Setelah merengkok selama 26 tahun di penjara, dia bertemu dengan pembunuhan sebenar yang ingin membuat pengakuan. Malangnya Aksionov mati pada keesokan harinya. Lihat Shahnon Ahmad, Setanggi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 37-45.

Cerita ini bertemakan takdir dan keakuran manusia terhadapnya. Aksionov menerima ketidakadilan yang menimpa dirinya dengan penuh keimanian. Ganjarannya ialah dia sempat mengetahui bahawa arang yang mempalit namanya telah disapu sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir. Leo Tolstoy kemungkinan besar merupakan seorang lagi tokoh yang mempengaruhi pemikiran Shahnon Ahmad. Secara terus-terang Shahnon mengumumkan bahawa dirinya tidak boleh disamakan dengan Tolstoy yang dianggapnya sebagai seorang genius (Lihat Shahnon Ahmad, Gubahan Novel, hlm. 106.) Unsur-unsur filsuf dan penuh dengan penyelongkaran batin (sebagaimana yang terkandung dalam "Menunggu Kebenaran dari Tuhan" ini

misalnya) kemungkinan besar mempengaruhi karya-karya berunsur agama, perhubungan manusia dengan tuhan dan keakuran terhadap kuasa Ilahi sebagaimana yang dapat diperhatikan pada beberapa buah karya Shahnون. Salah satu contoh sedemikian ialah Protes.

22. Rabindranath Tagore (1861-1941). Penerima Anugerah Nobel untuk kesusastraan pada tahun 1913 ini merupakan seorang penyair teragung India moden. Tagore berasal daripada salah sebuah keluarga bangsawan yang paling dihormati di Benggal. Penulis yang segenerasi dengan Mahatma Ghandhi ini juga merupakan seorang nasionalis dan pejuang kemerdekaan. Sebahagian daripada lebih 2000 puisinya menyeru ke arah kemerdekaan, dan cinta terhadap tanah air. Lagu Kebangsaan India hari ini merupakan salah sebuah puisi beliau sendiri. Namun begitu sebagaimana dengan Ghandhi, Tagore juga menentang sebarang bentuk kegananasan dalam pemerolehan kemerdekaan. Satu ciri unik penulisan beliau ialah dalam hampir kesemua karyanya beliau berusaha untuk menggambarkan 'nyawa dan roh' yang dapat diperhatikannya pada alam. Beliau juga berusaha untuk memahami masyarakat dan sejarah bangsanya. Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 19 (1993), S.V. "Tagore, Rabindranath" hlm. 7.

Karya beliau yang mendapat perhatian Shahnون ialah "A Story in 1857" (Kisah Dalam Tahun 1857"). Cerita ini berlatarmasakan era perjuangan untuk membebaskan India daripada cengkaman penjajah. Namun begitu pusat ceritanya ialah perhubungan antara seorang pejuang nasionalis Hindu dengan seorang wanita Islam. Tidaklah sukar untuk kita memahami alasan Shahnون memilih karya ini. Unsur nasionalisme, patriotisme serta hubungan antara kaum (dan agama) dalam cerita ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan latar belakang Tanah Melayu dengan komposisi kaumnya yang unik. Selain daripada ciri-ciri nasionalisme, tokoh ini juga kemungkinan besar mempengaruhi pemikiran Shahnون yang melihat alam (misalnya dalam Srengenge) sebagai satu kewujudan yang berjiwa dan mampu mempengaruhi kehidupan manusia.

23. Lin Yutang lahir pada tahun 1895 di Fukien, Selatan China. Beliau merupakan salah seorang daripada segelintir rakyat China yang berkesempatan untuk memperoleh pendidikan di luar negara iaitu di Harvard (1921) dan Universiti Leipzig (1923). Sekembalinya ke China beliau menjadi pensyarah di National Normal College dan di National University Amoy. Lihat Shahnون Ahmad, Setanggi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 23.

Karya beliau yang diterjemahkan ialah "Tiger" ("Harimau"). Karya ini terbit dalam majalah Mastika

pada bulan Mac 1960 dan kemudiannya dibukukan dalam Setanggi. Karya ini mengambil tempat di wilayah yang dipenuhi harimau. Lihat Shahnon Ahmad, Setanggi: Antologi Cerita Pendek Dunia, hlm. 23-29. Walaupun Lin Yutang bukan merupakan seorang penulis agung, tetapi penggambaran unsur alam mungkin menambat Shahnon. Beliau mungkin tertarik dengan perhubungan antara manusia dengan persekitaran dan bagaimana kehidupan manusia dipengaruhi fenomena alam sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam beberapa buah karya beliau seperti Ranjau Sepanjang Jalan dan Kemelut.

24. Untuk maklumat terperinci dan senarai karya terjemaham Shahnon sila lihat Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, hlm. 11-18.
25. Ibid., hlm. 258.
26. Zakry Abady, "Shahnon Ahmad: Hugo Orang Melayu", Mastika, Bil. 5, Mei 1973, hlm. 21.
27. Ismail Hussein, Sastera Dan Masyarakat, hlm. 24.
28. Shahnon Ahmad, Ranjau Sepanjang Jalan, (Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1966).
29. Ibid., hlm. 174.
30. Shahnon Ahmad, "Mengapa Aku Menulis Ranjau Sepanjang Jalan", Dewan Masyarakat, hlm. 32.
31. Kemelut mengisahkan kehidupan nelayan di Kuala Indah Permai yang diancam pencemaran daripada kilang-kilang di persekitaran. Kehidupan mereka yang bahagia dan rezeki yang murah hilang dalam sekelip mata. Malah pencemaran tersebut juga telah meragut nyawa seorang manusia. Perkara yang menyedihkan ialah aduan demi aduan kepada pihak berkuasa (Pegawai Daerah dan Ketua Menteri) tidak mengubah keadaan. Hanya apabila masyarakat kampung mengugut akan membakar kilang-kilang tersebut dan berkat bantuan seorang graduan bernama Selamat sahajalah pihak berkuasa menoleh pandangan terhadap kesengsaraan masyarakat di kampung tersebut.
Lihat Shahnon Ahmad, Kemelut, (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution, 1977).

32. Seluang Menodak Baung mengisahkan perjuangan golongan miskin (yang diwakili keluarga Suman dan Fatah) untuk membaiki nasib mereka. Kepayahan hidup, perobohan kawasan setinggan yang menjadi penaung golongan buruh tidak berumah seperti Fatah, dan ketidaksungguhan ahli politik untuk membaiki nasib masyarakat terpinggir menjadikan masyarakat yang tertindas sekian lama hilang kesabaran dan bangun menentang kezaliman. Usaha mereka akhirnya membawa hasil dan mereka memperoleh tanah yang diidam-idamkan.
- Lihat Shahnون Ahmad, Seluang Menodak Baung, (Kuala Lumpur: Heinemann, 1978).
33. Shahnون Ahmad, Terededah, (Melaka: Penerbitan Abbas Bandung, 1965).
34. Shahnون Ahmad, "Mengapa Terededah", Dewan Sastera, Jilid i, vol. 1, Jan. 1971, hlm. 38-39.
35. Shahnون Ahmad, Rentong, (Melaka: Penerbitan Abbas Bandung, 1965).
36. Mohd. Husof Hasan, Novels Of The Troubled Years, hlm. xvii.
37. Ismail Hussein, Sastera Dan Masyarakat, hlm. 25.
38. Cerita ini berkisar di sekitar seorang menteri bernama Bahadur. Beliau merupakan seorang pemimpin yang ikhlas dan ingin melakukan sesuatu bagi memulihkan kedudukan orang-orang Melayu yang semakin terpinggir daripada arus perdana di negara mereka sendiri. Watak antagonis dalam cerita ini ialah setiausaha beliau sendiri, Sidek. Pemuda yang memiliki ijazah dalam pengajian Islam ini merupakan seorang hipokrit yang sedang hanyut dibuai keseronokan menduduki pangkat yang sedemikian tinggi. Malah Sidek juga menaruh mata pada anak gadis menteri, Hawa, demi masa depannya. Cerita ini berlebar di sekitar kekecamukan pemikiran dan desakan hati Menteri Bahadur yang saban detik memikirkan bagaimana untuk membimbing bangsanya agar kedudukan mereka tidak tergugat dengan kemajuan pesat yang dicapai oleh kaum asing. Hakikat ini terserlah daripada bab kesembilan cerita ini di mana Menteri Bahadur bermimpi manusia dengan hidung kemek dan naga mengisi kota-kota manakala masyarakat berkulit sawo matang tertolak ke kaki-kaki bukit.

Lihat Shahnon Ahmad, Menteri, (Alor Setar: Dinas Penerbitan Pustaka Sekolah, 1967).

39. Perdana merupakan sebuah cerita yang berfokus pada rentetan sejarah Tanah Melayu pada era pemerolehan kemerdekaan. Melalui karya ini Shahnon mengupas pelbagai perbezaan ideologi, permasalahan dalaman dan tekanan jiwa di kalangan tokoh-tokoh yang terlibat dalam usaha memerdekaan Tanah Melayu.

Karya ini bermula dengan pengenalan seorang pemimpin bernama Ketua Ahmad di Kedah pada pada tanggal 30 Februari tahun 1946 dalam bab yang dinamakan "Monolog Yang Panjang". Ketua Ahmad merupakan seorang manusia yang berpendirian, berpengetahuan luas dalam bidang politik dan amat prihatin terhadap perjuangan orang Melayu. Beliau sedang menyediakan senarai hak-hak orang Melayu yang akan dibentangkan dalam Kongres Melayu di Kuala Lumpur pada bulan hadapan. Setiausaha partinya, Zulkifli pula menunjukkan tanda-tanda acuh tak acuh tentang hak-hak tersebut.

Dalam bab berikutnya "Hak" pembaca dibawa mengikuti rentetan kejadian di dalam Kongres tersebut. Di sini muncul seorang watak baru bernama Lokman yang turut serta dalam perjuangan membantah cadangan penubuhan Malayan Union. Beliau seterusnya dilantik sebagai pemimpin parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PKMB) yang baru ditubuhkan. Parti tersebut menerima segala resolusi tentang hak orang-orang Melayu yang dibentangkan oleh Ahmad tetapi bibit-bibit perpecahan sudah mula bercambah dalam parti tersebut. Ini disebabkan Lokman condong dalam melibatkan kaum-kaum lain dalam perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan. Bab ketiga "Pro dan Kontra" berkisar di sekitar pandangan pelbagai pihak tentang parti dan resolusi yang diperkenalkan. Di sini pengarang mendedahkan percanggahan pendapat dan pemikiran di antara pelbagai kelompok seperti mereka yang berpendidikan Barat, sosialis dan komunis.

Dalam bab keempat "Retak Baru" kita dibawa melihat kemelut yang melingkari kehidupan Ketua Ahmad. Isterinya Zulekha langsung tidak memahami aspirasi perjuangannya manakala setiausahaanya Zulkifli pula bercita-cita untuk merampas kuasa dan oleh itu membidas segala pencapaian Ketua Ahmad dan kepimpinannya.

Bab lima "Idrishakim Dan..." memperkenalkan seorang ahli parti baru bernama Idrishakim. Dalam satu perjumpaan di rumah Lokman, keputusan diambil untuk menghantar Lokman dan empat orang wakil untuk berunding dengan pihak penjajah di England. Lokman telah memilih

Idrishakim, Pak Embok, Manap dan Daud. Kesemua mereka merupakan penyokong dasar-dasar liberalnya. Ketua Ahmad telah diketepikan disebabkan pendiriannya yang terlalu tegas dan bercanggah dengan Lokman. Begitu juga dengan Pak Nik seorang lagi ahli parti yang mempunyai pendiri-an bahawa kekuasaan politik harus dipikul secara mutlak oleh orang-orang Melayu sahaja tanpa kerjasama dengan kaum-kaum lain.

Dalam bab enam "Angin Timur, Pak Nik yang tidak berpuas hati dengan pemilihan delegasi Lokman mula memusuhi-nya. Dia terus terang mengatakan tidak akan menyokong Lokman sekiranya beliau kembali dari London dengan tawaran kemerdekaan yang meletakkan syarat kerjasama dan tolak ansur dengan bangsa lain. Beliau terus berpe-gang kepada pandangan bahawa kemerdekaan harus diperoleh secara mutlak oleh orang-orang Melayu dan bersandar pada lunas-lunas Islam. Dalam bab tujuh "Birunya Lan-git, Ketua Ahmad berkecil hati kerana dia disisihkan daripada misi ke London. Sementara itu isterinya menjadi pemimpin sayap wanita parti tersebut.

Dalam bab lapan "Partiku dan Bukan Partimu" Lokman kembali ke tanah air. Lokman yang mendedahkan hakikat beliau telah menerima prasyarat bekerjasama dengan bangsa lain sebagai syarat untuk memperoleh kemerdekaan dibidas. Ahli-ahli parti juga mendesak Lokman mengundurkan diri daripada jawatannya. Pak Nik menganggap Lokman telah mengkhianati perjuangan bangsanya. Ahli-ahli jawatankuasa parti telah membuat keputusan sebulat suara untuk menggugurkan Lokman dan nama Abdul Rahim dicadangkan sebagai penggantinya.

Bab berikutnya "The Outsider?" memperkenalkan watak Abdul Rahim, seorang pegawai Daerah daripada Langkawi. Beliau yang telah dicalonka sebagai pengganti Lokman mula menghitung-hitungkan tentang yang bakal diterimanya daripada Lokman. Abdul Rahim juga sedar pelbagai kekurangan dan ketekunan pengalaman politik-nya. Namun begitu beliau menerima pencalonannya untuk memimpin parti.

Bab sepuluh "Haluan Sendiri" berkisar pada usaha Abdul Rahim mengendalikan parti yang dipimpinnya itu. Lokman pula menubuhkan parti baru bernama IMP dan kemudiannya Parti Tanahair. Masalah utama Abdul Rahim ialah mewujudkan kerjasama dengan kaum-kaum lain bagi memelihara perpaduan. Beliau juga menghadapi tentang berterusan daripada Pak Nik yang tidak putus-putus membidas dan menolak segala dasar-dasarnya. PKMB seterusnya bersedia untuk pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur. Sebagai satu usaha untuk menentang parti IMP, Abdul Rahim membentuk perikatan yakni kerjasama antara parti dengan kaum-kaum lain. Perikatan mencapai kemenangan besar

dalam pilihanraya itu dan Abdul Rahim menjadi hero masyarakat.

Bab kesebelas "Hodohnya Hati" dan bab kedua belas "Jemukah Kenangan" berpusat kepada watak Ketua Ahmad. Bab kesebelas mengambil tempat pada petang 31 Ogos 1957. Ketua Ahmad merenungkan kembali segala angkara Lokman yang sanggup membohongi rakyat tentang syarat yang ditetapkan oleh penjajah bagi memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Sementara itu Abdul Rahim kembali dari London dengan berita Tanah Melayu akan memperoleh kemerdekaan pada 31 Ogos. Ketibaannya disambut dengan tempikan "merdeka" yang gamat. Namun begitu jauh di hati Abdul Rahim dia berasa amat hiba kerana tokoh-tokoh yang memulakan perjuangan tersebut seperti Lokman dan Ketua Ahmad tidak ada di sisinya.

Dalam bab berikutnya Ketua Ahmad merenungkan kembali segala rentetan perjuangannya. Pemikirannya berpusar-pusar pada sumbangannya terhadap perjuangan orang Melayu dan penolakan kepimpinannya. Pada malam itu Ketua Ahmad tidak keluar menyambut kemerdekaan. Tetapi fikirannya menerawang ke pentas di mana kemerdekaan akan diumumkan. Ingatan tersebut menyebabkan dia sendiri bertempek "merdeka". Akhirnya Ketua Ahmad tertidur sebelum tengah malam yang akan menandakan saat pemerolehan kemerdekaan.

Bab terakhir "Merdeka" merupakan satu bab yang amat ringkas dan mengisahkan sambutan kemerdekaan pada tengah malam 31 Ogos 1957.

Lihat Shahnon Ahmad, Perdana, (Singapura: Pustaka Nasional, 1969).

40. Ismail Hussein, Sastera Dan Masyarakat, hlm. 25.
41. Dengan mengambil kira era dan lokasi yang digunakan, boleh disimpulkan bahawa Ketua Ahmad merujuk kepada Senu Abdul Rahman atau Mohd. Khir Johari. Lokman boleh diidentifikasi dengan Datuk Onn bin Jaafar. Beliau merupakan pemimpin sulung UMNO. Beliau jugalah yang membawakan idea untuk membuka UMNO kepada bangsa asing. Ini menyebabkan beliau hilang sokongan di kalangan ahli UMNO dan seterusnya mengundurkan diri dan mengasaskan Independence of Malayan Party (I.M.P) pada tahun 1951. Kecewa dengan sambutan masyarakat terhadap I.M.P beliau mengasaskan sebuah lagi parti (Parti Negara) pada tahun 1954. Lihat J. Kennedy, A History of Malaya (A.D 1400-1959), (London: Macmillan, 1967), hal 266 dan 276-277.

Pak Nik yang berasal dari Kelantan dan dengan pegangan

politiknya yang bersandar pada Islam kemungkinan besar merujuk kepada Dr. Burhanuddin Helmy, pengasas Parti Islam Malaya manakala Abdul Rahim pula dengan mudah dapat dikenal pasti sebagai Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

42. Shahnon Ahmad, Perdana, hlm. 190.
43. Berkali-kali beliau menegaskan konsep "berkarya kerana Allah". Menurut beliau...

Ungkapan "kerana Allah" mencakup setiap sudut tindakan kita dalam hidup supaya selalu kita mengenal diri termasuk waktu pernyataan diri kita dalam karya kreatif.

Lihat Shahnon Ahmad, "Sastera Melayu dan Islam", Dewan Sastera, Jilid viii, bil. 10, Oct. 1978, hlm. 54.

Bagi soalan tentang sama ada beliau berpegang kepada slogan "seni untuk masyarakat" beliau menjawab...

"Bukan juga seni untuk masyarakat. Kerana seni untuk masyarakat ini ialah seni yang dikarang untuk memenuhi ideologi-ideologi yang dicipta oleh masyarakat. Yang saya maksudkan ialah "seni kerana Allah".

Beliau seterusnya menerangkan bahawa "seni kerana Allah" menekankan kebenaran hakiki walaupun ini ada masanya berbeza dengan realiti hidup. Lihat perbualan antara Suhaimi Hj. Muhammad dengan Shahnon Ahmad dalam Suhaimi Hj. Muhammad, "Tanggapan Mutakhir Shahnon Ahmad Terhadap Kesusasteraan", Mastika, bil. 3, Mac 1979, hlm. 105 dan 112.

44. Shahnon Ahmad, "Sastera Islam", Dewan Bahasa, Jilid 21, Bil. 7, Julai 1977, hlm. 427.
45. Namun begitu, penglibatan secara serius Shahnon dalam penulisan berbentuk Islam dengan tujuan menggunakan karya sebagai saluran berdakwah mula-mula terserlah melalui cerpen "Riak" (1976). Lihat Mohd. Yusof Hasan, Penghayatan Fiksyen Melayu, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 250.

Cerpen ini mengisahkan kehidupan seorang manusia berna-

ma Profesor Zaqlol yang berpendidikan Barat dan tenggelam dalam pelbagai kemungkaran serta menjalani kehidupan yang jauh terpesong daripada landasan Islam dan norma hidup masyarakat Timur. Keterpesongan jalan hidupnya berbanding dengan insan-insan lain di sekitarnya (seperti Pak Usop - tukang kebun, Mak Minah - tukang masak dan Sudin - drebar) menyebabkan profesor ini mula mengalami tekanan jiwa yang amat berat. Hati-nya yang diselubungi kemungkaran, kepalsuan, egoisme dan sekularisme mula merintih untuk kembali ke jalan Islam. Akhirnya watak ini tunduk menerima kebesaran Ilahi dan kekerdilan dirinya.

Lihat Shahnon Ahmad, "Riak", Dewan Sastera, Jilid vi, Bil. 11, Nov. 1976, hlm. 8-20

46. Shahnon Ahmad, "Sastera Islam", Dewan Bahasa, hlm. 426.
47. Shahnon Ahmad, Protes, (Melaka: Penerbitan Abbas Bandung, 1967).
48. Perkataan Inggeris 'immanent' (menguasai keseluruhan alam dan roh) dan 'transcendent' (sesuatu yang supernatural dan tidak dapat dihuraikan melalui fikiran manusia) merupakan kata-kata asal yang digunakan oleh pengarang. Lihat Ibid., hlm.181.
49. Pernyataan ini terkandung dalam artikel Shahnon yang bertajuk "Mengapa saya mengarang Protes", Inspirasi, SMSAH, Jitra, No. 2, 1967. Dipetik semula daripada Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, hlm. 264.
50. Shahnon Ahmad, Gubah Novel, hlm. xii.
51. Shahnon berkata bahawa beliau tidak yakin dengan konsep "ilham". Menurut beliau ...

"Kita selalu mendengar orang mengeluh tidak dapat ilham. Saya tidak setuju sama sekali. Tuhan mencipta alam semesta dengan segala manusia, haiwan, pokok, angin, laut dan sebagainya untuk kita merenungi dan memahami segala liku-liku hidup. Semua itulah punca bagi novel dan cerpen kita.

Lihat Shahnon Ahmad, "Dasar Penulisan Novel dan Cerpen", Dewan Sastera, Jilid 5, Bil. 1, Dis. 1975, hlm. 3.

52. Shahnon Ahmad, "Mengapa Terededah", Dewan Sastera, hlm. 39.
53. Shahnon Ahmad, Kesusasteraan dan Etika Islam, (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1981), hlm. 6.
54. Dalam karya Rentong sebagai contoh, Dogol merupakan seorang manusia yang tidak berhati perut dan mementingkan diri. Shahnon setuju bahawa dalam kehidupan sebenar ada masanya manusia seperti Dogol inilah yang akan mencapai pelbagai kesenangan dan kejayaan. Itu merupakan kebenaran realisme. Namun begitu itu bukan kebenaran hakiki. Berdasarkan kebenaran hakiki orang seperti Dogol tidak seharusnya berjaya. Kata beliau ...

Sifat-sifat 'self-interest' seperti ini tak sampai hati saya hendak beri kejayaan. Dan kerana itu Dogol saya kebumikan; dikebumikan melalui cara yang hodoh pula: kepalanya dikerakah harimau.

Lihat Shahnon Ahmad "Rentong Berpusar Tiga: Egoisme, Cinta Damai dan 'Selfishness'", Dewan Sastera, Jilid 2, Bil. 7, Julai 1972, hlm. 48.

Atas alasan yang sama jugalah beliau kecewa dengan A. Samad Said dalam mengemudikan watak Siti Salina dalam novel Salina. Beliau tidak menyenangi tindakan A. Samad Said yang "melepaskan" Siti Salina daripada hukuman. Kata beliau...

Siti Salina seorang yang jahil, seorang yang tidak beriman. Islam sebagai satu sistem hidup yang sempurna sepanjang zaman, telah menetapkan apa yang salah, apa yang benar. Namun pengarang A. Samad Said tidak memecahkan persoalan dari sudut menyalahkan yang salah atau membenarkan yang benar atau meluruskan yang terpesong atau menghukum yang salah.

Lihat Shahnon Ahmad, "Siti Salina: Sebuah Renungan Kembali", Dewan Sastera, Jilid 9, Bil. 10, Oct. 1979,

hlm. 51.

55. Kelima-lima orang sasterawan tersebut ialah Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako), Kamaludin Muhammad (Keris Mas), A. Samad Ismail, A. Samad Said dan Usman Awang.
56. Akhmar Hisham Mokhles, "Novel Shit akan dikaji KDN", Utusan Malaysia, 22 April 1999, hlm. 1.
57. Trevor Le Gassick, "Introduction" dalam Trevor Le Gassick (ed), Critical Perspectives On Naguib Mahfouz, (Pennsylvania: Three Continent Press, 1991), hlm. 2.
58. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, (London: Routledge, 1993), hlm. 1.
59. Ibid., hlm. 2.
60. "Hara" dalam bahasa Mesir merujuk kepada kawasan petempatan berlorong. Kawasan petempatan ini sama sekali berbeza dengan petempatan lain di Kaherah mahupun Mesir. Hara dengan "Futuwwas" (kumpulan samseng) yang sentiasa bersengketa sesama sendiri, "takiyya" (rumah orang menurun) yang diselubungi misteri, "sabil" (pili minuman pancut), kedai dan "qarafa" (tanah perkuburan) yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri unik dan identiti sebahagian besar novel Naguib Mahfouz berasal daripada nostalgia zaman kanak-kanak yang dialaminya di Jamaliyya.
Lihat Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 1 - 3.
61. Ibid., hlm. 2.
62. Perkara ini dapat diperhatikan dengan mudah dalam beberapa buah karya Naguib Mahfouz. Sekadar contoh kita boleh meninjau Zuqaq al-Midaq (Midaq Alley) yakni salah sebuah hasilan beliau yang dianggap paling terkenal hingga ke hari ini. Novel yang diterbitkan pada tahun 1947 ini berkisar di kalangan watakit-watakit yang menghuni dua buah rumah dan beberapa buah kedai di Lorong Midaq. Masyarakat lorong ini yang terletak di dada kota Kaherah berhampiran daerah Azhar merupakan penghuni sebuah dunia tersendiri; yakni sebuah dunia

kecil yang menjadi cermin dunia besar. Ia terdiri daripada masyarakat pelbagai lapisan (kaya, miskin, berpelajaran, buta huruf, jahil dan warak) sebagaimana yang akan wujud di pentas dunia yang lebih luas.

Lihat Naguib Mahfouz, Midaq Alley, trans. Trevor Le Gassick. (Cairo: The American University in Cairo Press, 1966).

63. Rasheed El- Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 1-3.
64. Ibid., hlm. 4.
65. Untuk maklumat terperinci tentang latar belakang keluarga Naguib Mahfouz sila lihat Trevor Le Gassick, "Introduction" dalam Trevor Le Gassick (ed), Critical Perspectives On Naquib Mahfouz, hlm. 1-2.
66. Kata-kata tersebut dilafazkan oleh Naguib Mahfouz kepada Jamal al-Ghitani, seorang pengarang Mesir yang juga merupakan sahabat baik beliau dan sama-sama membesar di al-Jamaliyya. Beberapa siri temuramah di antara beliau dengan al-Ghitani telah dibukukan dalam Naquib Mahfouz Yatadhakkár (Naquib Mahfouz Remembers), (Cairo: Akhbar al-Yawm, 1987).
Lihat Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 5.
67. Mustafa Kamil (1874 - 1908) tokoh politik Mesir yang mengasaskan Al-Hizb Al-Watani (Parti Kebangsaan) pada tahun 1907. Seorang nasionalis yang bersuara lantang menentang kedudukan British di Mesir dan menuntut kebebasan Mesir.
68. Muhammad Farid (1876-1919) menerajui Parti Kebangsaan selepas kematian Mustafa Kamil pada tahun 1908.
69. Saad Zaghlul (1860-1927) mengetuai perjuangan Mesir untuk kemerdekaan dari tahun 1918 sehingga kematiannya. Penangkapan dan pembuangan negeri beliau ke Malta pada bulan Mac 1919 menjadi pencetus Revolusi 1919. Sekembalinya dari buangan, beliau memenangi pilihanraya tahun 1923 dan menjadi Perdana Menteri. Parti Wafd yang diasaskannya terus menjadi tunggak perjuangan bangsa Mesir sehingga dibubarkan melalui rampasan kuasa pada tahun 1952. Semasa hayatnya beliau merupakan pujangga dan simbol aspirasi perjuangan rakyat Mesir terhadap

penjajah.

70. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 7.
71. Novel-novel tersebut ialah Abath al-Aqdar (The Games of Fates) (1939), Radubis (Rhodopis) (1943) dan Kifah Tiba (The Struggle of Thebes) (1944). Ketiga-tiganya berlatarbelakangkan era Mesir silam. The Games of Fates berkisar di sekitar Firaun Khufu semasa pembinaan Piramid Besar Giza. Rhodopis yang memenangi hadiah sastera sebagai karya terbaik pada tahun penerbitannya berkisar pada seorang penyanyi (dayang istana) yang bernama Rhodopis juga pada zaman Firaun. The Struggle of Thebes pula mengisahkan pergelutan di antara Firaun Hiksos dengan masyarakat di Thebes yang enggan mengiktiraf kuasanya.
Lihat Francis Xavier Paz, "The Novels Of Naguib Mahfuz", (Disertasi Ph.d, Columbia University, 1974), hlm. 33 - 52.
72. Hilary Kilpatrick, The Modern Egyptian Novel: A Study In Social Criticism, (London: Ithaca Press, 1974), hlm. 73.
73. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 8.
74. Ini merupakan tafsiran peribadi Rasheed El-Enany. Lihat Ibid., hlm. 9.
75. Ibid., hlm. 12.
76. Ibid..
77. J. Brugman, An Introduction To The History Of Modern Arabic Literature In Egypt, (Leiden: E.J. Brill, 1984), hlm. 298.
78. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 13.
79. Sasson Somekh, The Changing Rhythm: A Study Of Najib Mahfuz's Novels, (Leiden: E.J. Brill,

80. Henri Bergson (1859-1941) ialah seorang ahli falsafah Perancis. Beliau dilahirkan di Paris dan merupakan guru, pensyarah dan penulis yang terkenal. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Profesor di College de France (Paris) dari 1900 hingga 1921. Sumbangan beliau yang paling besar adalah dalam bidang falsafah. Beliau dianugerahkan Hadiah Nobel untuk kesusastraan pada tahun 1927.

Prinsip dan pegangan falsafahnya dapat ditemui dalam tiga buah karya utama beliau iaitu Time and Free Will (1889), Matter and Memory (1896), dan Creative Evolution (1907). Bergson mengenangkan pandangan bahawa masa ialah realiti agung. Tetapi konsep "masa" yang diketengahkannya berbeza dengan pemahaman umum. Menurut Bergson, masa tidak wujud dalam erti kata biasa yakni semalam, hari ini dan esok. Bergson mengutarakan masa sebagai satu konsep yang dinamakan "kala" (duration). Kala ialah aliran kejadian yang bersinambung dari masa yang lepas ke masa akan datang dan bukan hanya penggantian/perubahan sesuatu kejadian.

Dengan pegangan sedemikian, Bergson percaya masa memungkinkan pencapaian pelbagai pengalaman baru. "Setiap detik", menurut beliau bukan sahaja merupakan sesuatu yang baru, tetapi sesuatu yang di luar jangkaan. Ini memungkinkan evolusi kreatif kerana realiti merupakan sesuatu yang telah berlalu dan terus-menerus berubah menjadi sesuatu yang baru dan juga sedang mengalami perubahan untuk menjadi masa depan.

Bergson juga dikenali untuk falsafahnya yang berkaitan dengan intuisi. Beliau bertegas bahawa intuisi ialah pemandu yang paling sahih untuk pemahaman. Berbeza dengan intelek, intuisi tidak memalsukan sesuatu dengan menganalisisnya.

Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 2 (1993). S. V. "Bergson, Henri", hlm. 243.

81. Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 14.
82. Watak Saber dalam novel Al-Tariq (The Search) (1964) merupakan satu contoh yang jelas untuk hakikat ini. Dia merupakan seorang pemuda yang dibelenggu kesengsaraan dan memulakan usaha mencari ayahnya yang tidak pernah dikenalinya. Tetapi dalam usaha tersebut dia terlibat dalam hubungan dengan dua orang wanita dan akhirnya digoda untuk melakukan pembunuhan. Novel ini

dikenali kerana teknik "stream of consciousness" yang digunakan di dalamnya. Teknik ini membolehkan masa silam, sekarang dan depan bergelumang secara bebas dalam pemikiran protagonisnya.

Lihat Naguib Mahfouz, The Search, trans. Mohamed Islam. (Cairo: The American University in Cairo Press, 1987).

83. Watak Radwan Husainy dalam novel Midaq Alley (1947) merupakan satu contoh terbaik untuk menerangkan keyakinan Naguib Mohfouz terhadap nilai moral yang bersandar pada intuisi. Dalam cerita ini Radwan Husainy digambarkan sebagai seorang manusia berjiwa mulia dan menjalani kehidupan berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan agama. Perhatikan satu petikan pemerincian watak ini:

...his fine face filled even greater radiance, just as all noble men, doing the good they love, become happier and more handsome through their actions. He had always taken care that not a single day should pass without doing some good deed or receiving in his home some abused or unfortunate person. From his love of goodness and his generosity he appeared to be richly endowed with wealth and property, but the fact was that he endowed nothing except the house on the right hand side of Midaq Alley and a few acres of land in Marj.

Lihat Naguib Mahfouz, Midaq Alley, trans. Trevor Le Gassick. (Cairo: The American University in Cairo Press, 1966), hlm. 8.

Dalam episod-episod lain kita diperlihatkan bagaimana watak ini sanggup melakukan pelbagai kompromi demi kebaikan orang lain. Salah satu daripadanya, beliau tidak menaikkan kadar sewa bilik yang disewakan semata-mata kerana tidak mahu membebankan mereka yang menghuninya. Perhatikan bagaimana intuisi yang menggerakkan Radwan Hussainy ke arah kebaikan memberikannya kebahagiaan walaupun pada hakikatnya dia bukan seorang yang benar-benar berharta atau berkedudukan. Ini kerana kebaikan yang dilakukan oleh Radwan merupakan seruan intuisinya dan tidak melibatkan ukuran fizikal, material atau rasional.

84. John Drinkwater (1882 - 1937) merupakan seorang penulis

skrip, penyair dan penulis biografi berbangsa Inggeris. Dilahirkan di Leytonstone (di Essex), England, beliau mencipta nama melalui drama seperti Abraham Lincoln (1918), Mary Stuart (1921), Oliver Cromwell (1921) dan Robert E. Lee (1923). Biografi beliau yang paling terkenal ialah Pilgrim of Eternity yakni tentang penyair pujangga England, Lord Byron.

Lihat The World Book Encyclopedia, Vol. 5 (1993). S. V. "Drinkwater, John", hlm. 309.

Beliau juga banyak menulis catatan tentang hasilan kesusasteraan. The Outline of Literature merupakan catatan ringkas tetapi menyeluruh tentang perkembangan kesusasteraan dunia merentas benua. Buku ini memberikan Naguib Mahfouz satu gambaran menyeluruh tentang kesusasteraan dunia dan tidak mengehadkannya kepada hasilan sastera suatu zaman atau negara yang khusus.

Lihat Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 16.

85. Oleh itu tidaklah menghairankan sekiranya Mahfouz menamakan pengarang seperti Tolstoy, Dostoevsky, Chekhov, Maupassant dan Thomas Mann sebagai antara pengarang yang diminatinya. Di kalangan penulis moden pula beliau menamakan Proust, Kafka, Joyce dan Hemingway. Dalam bidang teater pula beliau menyanjung tinggi Shakespeare, Eugene O'Neill, Ibsen, Strindberg dan Beckett. Bercakap tentang puisi, sekali lagi Mahfouz mendedahkan ketakjubannya terhadap hasilan Shakespeare di samping Rabindranth Tagore dan Hafiz Shirazi. Menurut Mahfouz, beliau mula mengenali realisme daripada penulis mutakhir (ketika itu) seperti Galsworthy, Aldous Huxley dan D.H Lawrence dan menegaskan bahawa setelah berkenalan dengan karya-karya mereka, beliau tidak lagi begitu meminati Dickens dan Balzac. (Pengkaji tidak menghuraikan latar belakang tokoh-tokoh ini memandangkan Mahfouz hanya menyebut nama-nama ini sebagai tokoh-tokoh kesusasteraan yang diminatinya).

Lihat Sasson Somekh, The Changing Rhythm: A Study of Najib Mahfuz's Novels, hlm. 42 - 43.

86. Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 20.
87. Ibid., hlm. 21.
88. Ibid., hlm. 22-23

89. Samia Mehrez, Egyptian Writers Between History And Fiction, (Cairo: The American University in Cairo Press, 1994), hlm. 17.
90. Ibid., hlm. 18.
91. Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 23.
92. Sasson Somekh, The Changing Rhythm: A Study of Najib Mahfuz's Novels, hlm. 41.
93. Rasheed El-Enany, Naquib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 24.
94. Ibid., hlm. 25.
95. Tarek Heggy, Egyptian Political Essays, (Cairo: Dar Alshorouk, 1991), hlm. 40.
96. Sekadar contoh kita boleh perhatikan beberapa contoh novel beliau yang diterbitkan pada era tersebut. Al-Summan wa al-Kharif (Autumn Quail) (1962) membawakan kisah seorang lelaki dan revolusi tahun 1952. Isa al-Dabbagh merupakan seorang pegawai kanan dalam perkhidmatan awam di bawah kerajaan Wafd. Sebagaimana kebanyakannya pegawai kanan yang lain pada masa itu, Isa juga terlibat dalam pelbagai penyalahgunaan kuasa dan telah mengumpul harta yang banyak dengan menggunakan kedudukannya. Segala salah lakunya terbongkar apabila kerajaan baru (selepas revolusi 1952) mula menyiasat latar belakang pegawai-pegawai sepertinya. Akhirnya Isa, sebagaimana burung puyu yang berhijrah ke Iskandariah pada musim luruh, juga membawa dirinya ke tempat itu. Dia tinggal di sebuah rumah tumpangan di Iskandariah yang jauh daripada masyarakat. Cerita ini berkisar di sekitar pergolakan jiwa dan mental Isa (merujuk kepada pegawai-pegawai kerajaan yang alpa dan lalai dalam tanggungjawab mereka). Akhirnya Isa menemui dirinya (ketika sedang duduk di bawah patung Saad Zaghlol) dan mengambil keputusan untuk menurut jejak seorang pemuda revolusionis yang pernah menjadi mangsa kekejamannya semasa berkuasa.

Lihat Naguib Mahfouz, Autumn Quail, trans. Roger Allen. (Cairo: The American University in Cairo Press, 1985).

Novel ini memberikan kesempatan luas kepada Naguib Mahfouz untuk "membongkar" dan seterusnya membidas (secara simbolik) kegagalan pihak yang memegang tampuk pemerintahan untuk membela nasib masyarakat yang mengharapkan mereka. Lihat Fatma Moussa Mahmoud, The Arabic Novel In Egypt, (Cairo: Cairo University Press, 1973), hlm. 65-66.

Tharthara Fatwa al-Nil (Small-talk on the Nile) (1966) pula mengejutkan masyarakat Mesir dengan keberanian Naguib Mahfouz mendedahkan kehilangan harapan dan "escapism" masyarakat Mesir sebelum kekalahan dalam perang 1967 (dengan Israel). Novel ini berkisar di sekitar sebuah rumah kapal di Nil di mana beberapa orang ahli masyarakat daripada pelbagai lapisan (seorang kakitangan kerajaan, seorang peguam, seorang siswi, seorang suri rumah tangga, seorang pelakon dan seorang wartawan) berkumpul dalam usaha melepaskan diri daripada dunia luar dengan melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan maksiat sesama mereka, dan mengambil ganja. Dalam satu episod mereka juga telah membunuh seorang perempuan petani dengan kereta mereka. Tetapi mereka tidak berpatah balik untuk melihat atau membantu wanita itu tetapi sebaliknya pulang ke rumah kapal mereka. Novel ini bukan sahaja menyebabkan masyarakat melopong kehairanan tetapi juga menimbulkan keberangan Presiden Nasser sendiri. (Lihat Samia Merez, Egyptian Writers Between History And Fiction, hlm. 26-27).

Mirammar (Miramar) (1967) pula merupakan sebuah cerita yang berlatarmasa awal abad ke-19 dan mengambil tempat di Iskandariah. Sebagaimana dengan novel Small-talk On The Nile, novel ini juga berkaitan dengan sekumpulan manusia yang diketemukan di suatu tempat. Ia mengisahkan tentang sekumpulan manusia yang datang ke sebuah rumah tumpangan bernama Miramar. Antara watak-wataknya ialah Marianna (tuan punya rumah tumpangan), Amir Wajdi (seorang wartawan yang telah bersara dan bekas pejuang kebangsaan yang telah disisihkan oleh masyarakat), Sarhan al-Buhayri (seorang penyimpan kira-kira dan ahli aktif regim yang memerintah), Mansur Bahi (seorang pemuda yang condong ke arah komunisme), Husni Allam (seorang pemuda bangsawan yang kaya-raya), dan Tulba Marzuq (bekas pegawai dalam rejim monarki yang telah dirampas semua hartanya). Saban hari Tulba hidup dalam ketakutan akan ditangkap oleh pihak berkuasa dan berangan-angan yang zaman silam yang indah akan kembali. Tumpuan cerita ialah terhadap watak Zahra, seorang gadis muda yang telah mlarikan diri ke Iskandariah kerana dipaksa berkahwin dengan seorang tua. Gadis ini seterusnya menjadi rebutan beberapa orang watak lain.

(Lihat Naguib Mahfouz, Miramar, trans. Fatma Moussa Mahmoud. (Cairo: The American University in Cairo Press, 1978).

Penampilan watak yang ramai ini bukanlah tanpa sebab. Salah seorang watak dalam karya ini ialah ahli kerajaan dan Mahfouz mengambil kesempatan untuk mendedahkan pelbagai kekejadian dalam pemikiran dan perlakuan. Kita juga berhadapan dengan bangsawan, komunis, dan ahli Wafd. Kesemua mereka boleh dianggap mewakili golongan tersebut di atas. Watak Zahra pula melambangkan masyarakat kebanyakan Mesir yang terperangkap dalam percaturan politik dan ketidakjujuran pelbagai golongan tersebut. Secara keseluruhan novel ini dipenuhi perlukisan kemendungan nasib masyarakat Mesir dan seolah-olah menjadi suara amaran kepada masyarakat Mesir tentang malapetaka besar yang menunggu mereka. Lihat Sasson Somekh, The Changing Rhythm: A Study of Najib Mahfuz's Novels, hlm. 192 - 195.

97. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 25.
98. Trevor Le Gassick, "Introduction" dalam Trevor Le Gassick (ed), Critical Perspectives On Naguib Mahfouz, hlm. 5.
99. Ibid., hlm. 5.
100. Rasheed El-Enany, Naguib Mahfouz: The Pursuit of Meaning, hlm. 26.
101. Samia Mehrez, Egyptian Writers Between History And Fiction, hlm. 18.
102. Ibid., hlm. 18.
103. Ibid., hlm. 12.
104. Hamidi Sakut, The Egyptian Novel And Its Main Trends: From 1913 to 1952, (Cairo: The American University in Cairo Press, 1971), hlm. 115.

105. Ramai pengarang yang mempunyai keyakinan sedemikian rupa. Jose Rizal (Jose Mercado Alonso Rizal 1861-1996), pejuang kebangsaan dan penulis Filipina sebagai contoh, bukan sahaja berjaya menaikkan semangat bangsanya untuk memperjuangkan kebebasan dengan mendahakan kelemahan pentadbiran politik dan keagamaan Sepanyol melalui novel pertamanya Noli Me Tangere (Latin bermaksud Jangan Sentuh Daku) (1886), tetapi begitu yakin dan optimistik tentang kesan yang akan ditinggalkan oleh karya itu sebelum mula menulisnya sekalipun. Lihat Carlos P. Romulo, "Literature And Society" dalam Alberto S. Florentino (ed), Literature And Society, (A Symposium On The Relation Of Literature To Social Change, Manila, 1964), hlm. 7.